

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ROSIDI BIN SEMAIL
KARTUNIS NEGARA**

OLEH:

**WAN NUR FAWAQIH ALIYIN BINTI W. YA 2021731221
FATIN NAJWA BINTI MAT SOFRI 2021106047**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (FEBRUARI 2023-OGOS 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kami menyiapkan tugasan berkumpulan kajian sejarah lisan bagi subjek “Oral Documentation” (IMR604) dengan jayanya.

Pertama sekali, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada tokoh seni warisan tempatan yang telah menjadikan pilihan kami iaitu, Encik Rosedi bin Semail (Rossem) kerana sudi memberi Kerjasama serta meluangkan masa dalam menjayakan sesi temubual untuk menyempurnakan kajian sejarah lisan ini. Pada kesempatan ini juga, kami turut ingin berterima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, pensyarah bagi subjek ini kerana banyak memberi bantuan serta bimbingan sepanjang persiapan kajian sejarah lisan ini berlangsung.

Seterusnya, tidak lupa juga kepada rakan sekelas kami yang banyak memberi cadangan serta komen yang berharga yang mana ianya memberi inspirasi kepada kami untuk meningkatkan kualiti penulisan serta kajian kami ini. Akhir sekali, setinggi-setinggi penghargaan ditujukan kepada keluarga di atas pemahaman dan sokongan mereka dalam menyiapkan tugasan ini.

Sekian, Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Senarai Abreviasi	iv
Senarai Singkatan	v
Rujukan Kata	vi
BIODATA PENEMUBUAL	1
Penembual Pertama	2
Penemubual Kedua	3
BIODATA TOKOH	4-5
SEJARAH LISAN	
Pengenalan	6
Objektif Sejarah Lisan	7
KAJIAN LITERATUR	8-11
TRANSKRIP	12-13
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	14-19
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	20-26
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya Awal	27-28
Bahagian 4: Penglibatan dalam Kerjaya Seni	29-39
Bahagian 5: Kerjaya Sebagai Pelukis	40-59
Bahagian 6: Pencapaian	60-61
Bahagian 7: Sumbangan	62-63
Bahagian 8: Harapan	64-68
Bibliografi	69-71
LAMPIRAN	72
Log Temubual	73-74
Diari Kajian	75-76
Senarai Soalan	77-84

Surat Kebenaran	85
Surat Perjanjian	86
Gambar	87-90
INDEKS	91-92

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Kartunis Negara Malaysia iaitu Encik Rossem Bin Haji Semail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai kartunis sepanjang zaman. Temubual ini telah dijalankan di Balai Kartun Rossem (BKR), Jalan Kota Bharu, Bachok, Melor, Kelantan Malaysia. Tarikh temubual tersebut adalah pada 24 Mei 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10:57 pagi sehingga 02:00 petang. Encik Rossem Bin Haji Semail juga merupakan bekas anggota beruniform Polis di Pulapol sebelum menjadi kartunis sepenuh masa. Encik Rossem Bin Haji Semail mula bekerja sebagai anggota beruniform pada tahun 1969 dan waktu itu beliau juga mula bergiat aktif melukis sementara mengisi waktu lapang sehingga menjadikan diri beliau yang sekarang, seorang kartunis yang dikenali bukan sahaja di dalam negara, malah turut dikenali di luar negara. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Rossem Bin Haji Semail semasa beliau mula berjinak dalam industri kartunis. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Rossem, Balai Kartun Rossem, Pulapol, Kartunis.

ABSTRACT

The purpose of this interview was to learn more about Mr. Rossem Bin Haji Semail's contributions to the field of cartooning throughout history. He is the National Cartoonist of Malaysia. This interview occurred in Kelantan, Malaysia, at Balai Kartun Rossem (BKR), Jalan Kota Bharu, Bachok, and Melor. The interview will take place on a Wednesday, May 24, 2023, from 10:57 am to 2:00 pm. Before starting his career as a full-time cartoonist, Encik Rossem Bin Haji Semail was also a former uniformed police officer in Pulapol. Encik Rossem Bin Haji Semail began his career as a uniformed employee in 1969. In his spare time, he actively began drawing, which helped him develop into the well-known cartoonist he is today, both domestically and internationally. Encik Rossem Bin Haji Semail encountered several difficulties and examinations when he learned about the cartoonist business. Everyone can draw inspiration from the stories of his life and work.

Keywords: Rossem, Balai Kartun Rossem, Pulapol, Cartoonist, Kelantan.

SENARAI

ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

ABREVIASI	MAKSUD
BKR	Balai Kartun Rossem
PEKATUN	Persatuan Kartun Selangor Dan Wilayah Persekutuan
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PULAPOL	Pusat Latihan Polis
SB	Shaw Brothers
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMK	Universiti Malaysia Kelantan

SENARAI

SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

ER	Encik Rosidi Semail
FN	Fatin Najwa
FA	Fawaqih Aliyin

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ape	Apa
Dak	Kan
Kene	Perlu
Ni	Ini
Tu	Itu
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Ha	Ya

BIODATA

PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	:	Wan Nur Fawaqih Aliyin binti W.ya
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Narathiwat, Thailand
Alamat	:	Kota Bharu, Kelantan.
Emel	:	
No. Telefon	:	
Program	:	KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MEDIA


BIODATA PENEMUBUAL YANG KEDUA



Nama	:	Fatin Najwa binti Mat Sofri
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Kedah
Alamat	:	Langkawi, Kedah
Emel	:	
No. Telefon	:	
Program	:	KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MEDIA

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	:	Rosidi Semail
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Peringat, Kelantan
Alamat	:	Kota Bharu, Melor, Kelantan
No. Telefon	:	
Profesion	:	Kartunis dan Penulis,
Bidang	:	Melukis

SEJARAH LISAN

Pengenalan

Seni lukis merupakan cabang ilmu seni rupa yang diwujudkan melalui karya dua dimensi dengan media kanvas atau permukaan datar lain. Media untuk seni lukis biasa diisi oleh unsur-unsur pokok garis dan warna hasil dari permainan cat atau pewarna dan pembubuh gambar lainnya. Hasil dari seni lukis dapat memuat representasi terkait alam seperti potret manusia, hewan, tumbuhan, bahkan pemandangan. Seni lukis juga dapat menggambarkan gambar-gambar abstrak yang merupakan penyederhanaan bentuk alam.

Seni lukis menjadi representasi pelukis untuk menuangkan emosi dan ekspresi jiwanya. Seni lukis tidak hanya sebuah karya seni yang bernilai estetika. Karya seni lukis sendiri memiliki beberapa fungsi untuk masyarakat. Hal itu bisa diketahui seperti fungsi religius, fungsi komersial, dan fungsi simbolis. Pada dasarnya, seni lukis adalah pengembangan dari menggambar. Namun, seni lukis memiliki corak atau gaya yang lebih rumit. Seni lukis menggunakan bahan dan teknik yang dapat membuatnya menjadi lebih beragam dari menggambar pada umumnya.

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sejarah lisan adalah kaedah di mana kenangan seseorang tokoh telah dicatatkan dalam suatu wawancara. Tokoh yang terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperoleh dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Memelihara warisan seharusnya menjadi tunggak utama bagi membangunkan generasi di masa akan datang. Ini kerana, warisan akan melambangkan budaya bagi setiap bangsa yang seharusnya dipraktikkan sehingga akhir zaman. Peninggalan sejarah seringkali dikaitkan dengan sumber utama bagi menarik perhatian pelancong luar yang berkunjung ke negara kita. Oleh itu, wajarlah identiti negara dipelihara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah itu.

Objektif Kajian

- Tujuan dan objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang kartunis versatil iaitu Encik Rosidi bin Haji Semail (Rossem) dan pengalaman beliau yang terlampau banyak serta berharga dalam bidang kesenian.
- Kajian ini juga dilakukan bagi menghuraikan sedikit sebanyak mengenai kerjaya seorang pelukis yang sebenar.
- Kajian ini dilakukan untuk menganalisis mengenai sumbangan yang dilakukan dalam kerjaya sebagai seorang pelukis.
- Kajian ini juga dilakukan untuk mengambil nasihat dan pengajaran dari pengalaman yang dilaluinya. Semua kesusahan dan pengorbanan yang dilalui banyak mengajarnya untuk menjadi manusia yang berwibawa, bermatlamat dan untuk menjadi teladan bagi anak muda hari ini.

TINJAUAN LITERATUR

Setelah carian maklumat di perpustakaan dan pangkalan data atau laman sesawang di 'Google', seperti akhbar dalam talian, artikel jurnal, dan juga researchgate.net didapati terdapat beberapa kajian dan bahan yang berkait dengan seni lukis kartun ini telah dibuat sebelum ini. Carian dilakukan dengan menggunakan beberapa kata kunci iaitu an, seni lukis, serta komik.

Kajian literatur ialah satu penulisan akademik yang menunjukkan pengetahuan dan pemahaman tentang kesusasteraan akademik mengenai topik tertentu yang diletakkan dalam konteks. Kajian literatur juga termasuk penilaian kritis bahan; inilah sebabnya ia dipanggil tinjauan literatur dan bukannya laporan literatur. Ia adalah satu proses menyemak kesusasteraan, serta satu bentuk penulisan. Untuk menggambarkan perbezaan antara melaporkan dan menyemak, fikirkan tentang artikel ulasan televisyen atau filem. Artikel ini termasuk kandungan seperti sinopsis ringkas atau perkara utama filem atau program serta penilaian pengkritik itu sendiri. Begitu juga dua objektif utama kajian literatur adalah pertama kandungan yang meliputi penyelidikan, teori dan bukti sedia ada, dan kedua penilaian dan perbincangan kritikal anda sendiri tentang kandungan ini. Biasanya kajian literatur membentuk bahagian atau sebahagian daripada disertasi, projek penyelidikan atau esei panjang. Walau bagaimanapun, ia juga boleh ditetapkan dan dinilai sebagai karya tersendiri. (Universiti Edinburgh, 2022)

Lukisan adalah seni visual mewakili sesuatu dalam persekitaran dua atau tiga dimensi menggunakan pelbagai alat dan atau kaedah. Lukisan konvensional dilakukan dengan pensil, pena, grafit atau krayon, tetapi terdapat banyak teknik dan kemungkinan yang berkaitan dengan lukisan. Lukisan boleh menjadi wakil, abstrak atau simbolik, iaitu, ia mungkin menjadi imej yang menerangkan mengenai apa yang diwakilinya, atau, membangkitkan sensasi, perspektif atau bentuk pelukis, atau bahkan bekerja dengan konvensyen di, contohnya, papan tanda bandar. Lukisan ini mempunyai sejarah yang Panjang, boleh dikatakan bahawa yang pertama adalah yang terdapat di gua-gua Altamira. Dari masa itu sehingga hari ini, lukisan telah dibuat untuk tujuan dokumentari iaitu bagi merekodkan apa yang berlaku, teknikal iaitu untuk analisis, perancangan atau penyelidikan, sosial iaitu untuk tujuan isyarat, atau estetik untuk tujuan hiasan atau sebagai seni. (Definisi Lukisan, 2023)

Kartunis atau pelukis kartun adalah orang yang menghasilkan atau melukis kartun. Karya

kartunis lebih mempertengahkan jenaka terutama untuk tujuan hiburan. Banyak melukis kartun dari berbagai panel tunggal dan kemudiannya diterbitkan di media cetak daripada pelbagai jenis bentuk media, contohnya, di majalah seperti majalah Gila-Gila, majalah Ujang, Apo?, Gempak dan Utopia. Kartunis boleh bekerja dalam pelbagai format sebagai contoh seperti kartun editorial, komik, buku komik, novel grafik atau animasi. Secara tradisinya kartunis menghasilkan lakaran kasar kepada gambar pensil atau yang telah siap dan kemudian menyelesaikan karya seni dengan menggunakan dakwat pen hitam atau menggunakan berus. Hari ini, kartunis semakin banyak bekerja di media digital. Istilah kartunis datang daripada perkataan Inggeris, *cartoonist* yang bermaksud **pelukis kartun**. Selain kartunis, istilah **pelukis komik** turut digunakan. Istilah 'pelukis komik' selalunya digunakan untuk mereka yang mengkaryakan komik. (Educalingo, 2023.)

Sekitar tahun 1980-an hingga 1990-an memiliki komik bagaikan suatu bid. Menatapnya dari satu halaman ke halaman yang lain adalah suatu nikmat pada waktu itu. Waktu membacanya juga kadangkala perlu dilakukan secara sembunyi-sembunyi. Menghayati lawak dan cerita dihidangkan lebih seronok dan dirasai apabila membaca sorang-sorang, gelak pun sorang-sorang, setiap dari komik-komik yang terhasil itu mempunyai nikmat tersendiri. Nikmat itu bertukar sejajar dengan peredaran zaman. Kemajuan teknologi melahirkan telefon pintar, secara perlahan-lahan memudarkan fungsi komik sebagai bahan hiburan dan senda masyarakat. (Junus, 2020)

Tahun demi tahun, dunia semakin berubah diikuti dengan perubahan dari babak-babak dalam komik beralih ke dalam bentuk animasi. Kehidupan kanak-kanak pada tahun 1990an juga mula berbeza berbanding kanak-kanak sekarang apatah lagi pada waktu itu, teknologi tidaklah begitu maju malah telefon bimbit pula masih di awal-awal kemunculan. Walaupun serba-serbi kekurangan, namun kenangan dan momen indah tidak langsung berkurang malah mungkin lebih ‘meriah’ berbanding kanak-kanak sekarang. Kanak-kanak pada waktu itu, kebiasaananya kalau cuti sekolah, awal pagi lagi mereka bangun, mandi dan usai sarapan, duduk di hadapan televisyen untuk menonton rancangan animasi popular. Pada waktu petang pula, mereka keluar bermain dan selepas selesai mandi, sekali lagi mereka berada di depan televisyen untuk menonton rancangan animasi lain pula. (Ridaudin Daud, 2020)

Kartun akhbar sama ada berbentuk lerang atau karikatur mempunyai peranan tersendiri dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Hasil seni lukisan kartun ini boleh dianggap sebagai

lukisan lawak jenaka yang menghiburkan namun boleh mempunyai fungsi yang lebih besar dalam mempengaruhi pemikiran manusia lebih dari sekadar hiburan. Kartun, tidak kisah sama ada dihasilkan secara konvensional menggunakan pena dan dakwat mahupun dengan cara teknologi digital terkini, mempunyai kuasa sebagai wadah yang mampu mengubah persepsi dan tanggapan pembaca, sekaligus memberi didikan dan kesedaran terhadap isu-isu semasa yang berlaku disekitarnya. (Dasuki et al., 2016)

Seorang kartunis pakar dalam mencipta kartun, yang merupakan gambaran visual atau ilustrasi yang sering mengiringi kandungan bertulis untuk menyampaikan mesej atau bercerita. Kartunis menggunakan pelbagai teknik artistik, seperti lukisan, lukisan, dan ilustrasi digital, untuk menghidupkan idea mereka. Mereka menggunakan jenaka, sindiran dan keterlaluan untuk menangkap intipati subjek mereka dan menarik perhatian penonton. Kartunis memainkan peranan penting dalam dunia hiburan, kewartawanan, pengiklanan, dan komunikasi. Dalam hiburan, kartunis mencipta watak animasi dan jalan cerita untuk kartun, rancangan televisyen dan filem, menghiburkan penonton dari semua peringkat umur. Dalam kewartawanan, kartunis editorial menggunakan kemahiran artistik mereka untuk memberikan ulasan sosial dan politik melalui sindiran visual. Mereka menggunakan simbolisme, karikatur, dan permainan kata yang bijak untuk menyampaikan idea yang kompleks dengan cara yang ringkas dan menarik. Kartunis juga menyumbang kepada pengiklanan dengan mencipta watak dan ilustrasi yang tidak dapat dilupakan yang mempromosikan produk dan jenama. (Sokanu, 2023)

Sejak sebelum merdeka lagi kartun dan bahasa karikatur memainkan peranan yang sangat penting di dalam masyarakat Melayu dan Malaysia amnya. Kartun mempunyai peranan yang sangat besar di dalam industri akhbar ketika zaman pemerintahan British, era penaklukan Jepun dan cukup signifikan ketika awal kemerdekaan. Kartun menjadi medium untuk meniupkan semangat menuntut kemerdekaan, mempengaruhi rakyat membenci penjajah dan mengajak masyarakat bersama-sama membina negara baru yang bebas, maju dan makmur. Di samping sebagai bahan hiburan ringkas ketika itu, kartun dan bahasa karikatur turut menjadi motivasi kepada orang Melayu untuk bersatu padu, bekerjasama dalam segala bidang yang dilakukan dan menjadi pengantar kepada rakyat untuk mengetahui perkembangan yang berlaku di dalam dan di luar negara. Kartun dan bahasa karikatur juga melambangkan jati diri, watak, kecenderungan, semangat, realiti hidup, tabiat dan kegigihan orang Melayu ketika itu melalui lakaran dan

gambaran yang ditunjukkan. Masyarakat luar juga boleh menilai sesuatu bangsa melalui realiti kartun dan bahasa karikatur yang dihasilkan. (Razak, 2008).

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lukisan yang mana karya beliau sudah mencapai peringkat antarabangsa. Bersama-sama kami ialah Encik Rosidi Semail yang merupakan seorang kartunis terkenal yang memartabatkan dunia kartun tanah air, beliau turut menarik jiwa pengunjung melalui hasil lukisan serta pameran karya beliau yang dihasilkan sejak akhir tahun 1960 sehingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Mei 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10:57 pagi bertempat di Balai Kartun Rossem, Jalan Kota Bharu, Melor, Kelantan Malaysia. Temubual ini dikendalikan oleh Fatin Najwa Binti Mat Sofri dan Wan Nur Fawaqih Aliyin binti W.Ya. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

ER: Encik Rosidi Semail/Rossem

FN: Fatin Najwa

FA: Fawaqih Aliyin

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

FN : Encik Rossem okay? Sihat?

ER : Alhamdulilah.

FN: : Alhamdulillah sihat. Kami nak (ingin) mulakan dengan soalan latar belakang Encik Rossem boleh?

ER : Boleh. (Mengangguk).

FN : Okay (baiklah) soalan pertama kami, bolehkah encik memberitahu nama penuh encik?

ER : Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelajar UiTM, Fatin Najwa dan Wan Nur Fawaqih kerana sudi datang ke Balai Kartun Rossem pada pagi ini. Untuk meletakkan pembelajaran beliau yang berkait dengan tokoh. Nama saya Rosidi Semail atau dalam karya saya letak Rossem. Rossem itu sebenarnya cantuman sahaja daripada nama sebenar iaitu Rosidi, sebagai Ros dan Semail, S_E_M_A_I_L iaitu Sem dan cantum dua tu (nama itu) menjadi Rossem. Jadi nama ini tiada kaitan dengan apa-apa maksud pun.

FN : Okay (baiklah) faham. Soalan kedua, di manakah tempat lahir dan tarikh encik dilahirkan?

ER : Saya lahir di kampung Peringat, kampung ini. Pada 3 Ogos 1948, sebelum merdeka lagi. Jadi saya hidup dalam suasana sebelum merdeka dan selepas merdeka.

FN : Jadi pada masa sekarang berapakah umur encik?

ER : Sekarang sudah 74 tahun.

FN : **74 tahun. Okay, (baiklah) adakah encik mempunyai nama panggilan lain?**

ER : Selain daripada nama Rossem atau Rosidi Semail, kalau di kampung ni (ini), kalau tanya Rosidi mungkin orang tak (tidak) kenal. Kalau dalam kampung ini, terutama dari ahli keluarga, nama saya dipanggil Poksu (Pak Su) je (sahaja). Kalau saya di Kuala Lumpur dulu, nama saya dipanggil sebagai Pok Di (Pak Di). Bila balik di Kelantan ini dia (nama) jadi Pak Rossem. Jadi tiga tempat itu ada nama yang berbeza.

FN : **Bolehkah encik ceritakan bagaimana zaman kanak-kanak encik?**

ER : Zaman kanak-kanak ini kira zaman sebelum merdeka. Jadi jauh berbeza dengan sekarang lah. Dari segi sekolah, pelajaran, nak (mahu) masuk ke sekolah rendah pun tak (tidak)macam sekarang. Sekarang ni (ini) rumah tu (itu) dekat dengan sekolah. Contohnya, kalau di Peringat ini, memang ada sekolah Peringat. Pada zaman itu, masa saya darjah satu, darjah dua. Tak ada (tiada) sekolah Peringat. Jadi sekolah yang paling dekat sekali ialah sekolah Padang Kala, 5-kilometer dari sini (kampung Peringat). Pergi sekolah tu (itu) jalan kaki. Bayangkanlah kita darjah satu, budak. Umur berapa tu (befikir) tujuh tahun kan?

FN : **Haa. (Ya) Tujuh tahun.**

ER : Tujuh tahun. Jalan kaki pergi sekolah 5 kilometer. Cuma jalan tidaklah (bukan) seperti ini (sekarang). Jadi berkumpul ramai-ramai, lima orang, sepuluh orang pun ada. Balik pun sama.

FN : **Orang yang sama juga ke?**

ER : Haa. (Ya) orang yang sama. Kalau orang yang meningkat sikit usia dia, darjah enam atau darjah lima itu boleh pergi dengan basikal. Ibu bapa beli basikal. Tapi pada masa itu belum ada basikal budak-budak ini.

FN : **Haah (Ya) Betul.**

ER : Basikal orang dewasa tu (itu)-- ada dua biji (jenis) basikal saja. Basikal yang besar itu dan basikal yang *sport* (sukan) itu, yang kecil itu. Tapi yang kecil (kecil) itu pun tidak padan dengan budak darjah enam, tak (tidak) boleh naik.

FN **Sebab besar, berat jugak kan?**

ER Kaki tak (tidak) cukup panjang. Jadi masalah pada masa tu (itu). Jadi secara kebiasaannya, kanak-kanak diumur sebegini pergi sekolah dengan berjalan kaki.

FN **Oh, jalan kaki. Oh, selepas itu apakah aktiviti ataupun hobi yang menjadi pilihan encik sewaktu mengisi masa lapang?**

ER Oh, lepas habis sekolah dulu, lepas habis sekolah menengah itu Apa ni-- (ini) Sukar. Pada waktu itu sukar untuk mencari pekerjaan bila sijil peperiksaan malaysia. Paling-paling sekarang pun ada juga peluang untuk bekerja. Tapi pada masa, zaman dulu, bekerja ini satu perkara yang rumit untuk kita nak dapat. Jadi daripada membuang masa, kita gunakanlah kebolehan kita, minat kita untuk buat sesuatu. Jadi kebetulan saya tu (itu) ada minat untuk melukis, maka saya melukis. Kemudian saya tengok ada sambutan ramai. Orang-orang kampung, kawan-kawan tengok. "Eh! Lukisan ini bagus." Ada orang tempah, potret apa semua. Jadi, minat tu makin segar untuk terus melukis.

FN **Okay. Mengenai keluarga encik, apakah nama ibu bapa encik?**

ER Bapa saya nama Haji Ismail lah. Sebenarnya nama tu (itu) Ismail, tapi dalam kad pengenalan saya itu, dia tulis Semail. Semail itu, orang Kelantan biasalah. Panggilan orang Kelantan dak (kan)?

- FN** **Haah. (Ya)**
- ER** Kalau pergi balai polis nak (mahu) *report* (lapor) anak. “Bin apa?” “Bin Semail”. Orang zaman dulu. Pastu (lepas itu) sekarang ini, teliti sikit berkait nama itu. Zaman itu takdak (tiada).
- FN** **Ibu pula?**
- ER** Ibu. Jadi bapa saya nama Ismail. Mak saya nama Hajah Kalsom.
- FN** **Hajah Kalsom.**
- ER** Dua-dua sudah lama meninggal.
- FN** **Oh.**
- ER** Ayah saya meninggal sewaktu darjah enam. Ibu saya itu tahun lapan puluh ancamtu (macam itu).
- FN** **Okay.(Baiklah) Apakah pekerjaan Ibu dan Ayah encik pada waktu itu?**
- ER** Rata-rata pada masa itu--[Telefon berdering].
- FN** **Angkatlah dulu telefon tu (itu).**
- ER** Takpe. (Tidak apa) Pada masa itu petani.
- FN** **Dua-dua ke petani?**
- ER** Ya petani.

FN : **Berapakah bilangan adik beradik encik dan bolehkah encik beritahu encik merupakan anak yang keberapa dalam keluarga encik?**

ER: : Saya ada lima adik-beradik. Saya ini yang bongsu. Empat orang lagi itu kakak-kakak saya. Semua perempuan. Dalam empat itu, hanya tinggal seorang sahaja lagi. Yang lain dah meninggal.

FN : **Apakah nama isteri dan berapakah umur isteri encik?**

ER : Isteri saya Che Mariam Ahmad. Umur dia 59 tahun. Tapi saya ada seorang lagi. Saya ada dua. (Ketawa)

FN : **Oh, ada dua. (Ketawa)**

FA : **Oh. Boleh sahaja. (Ketawa)**

FN : **Boleh je. (sahaja)**

ER : Umur 38 tahun.

FN : **Nama apa?**

ER : Nur Aminah.

FN : **Oh Nur Aminah. Adakah isteri encik merupakan seorang suri rumah atau bekerja?**

ER : Suri Rumah. Dua-dua suri rumah.

FN : **Suri rumah. Okay. (baiklah) Lepas itu, berapakah bilangan anak encik?**

- ER : Jadi anak, enam campur dua. Lapan orang.
- FN : Okay. Soalan akhir untuk latar belakang. Adakah anak encik masih melanjutkan pelajaran atau sudah bekerja?
- ER : Yang enam itu sudah bekerja. Yang tinggal di Kuala Lumpur. Dua tinggal di rumah. Yang empat lagi itu di luar daripada Kelantan. Seorang lagi itu di Sarawak.
- FN : Seorang di Sarawak.
- ER : Anak yang baru ini masih lagi sekolah rendah.
- FN : Oh, sekolah rendah.
- ER : Darjah satu seorang. Darjah enam seorang.
- FN : Oh.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- FN** : Mengenai sejarah pendidikan encik, dimanakah encik mendapatkan pendidikan awal atau pendidikan kanak-kanak encik?
- ER** : Pendidikan sekolah rendah. Di sekolah rendah Kebangsaan Peringat. Di peringkat sekolah menengah. Di Sultan Ismail College, Kota Bharu. Saya setakat Sijil Pelajaran Malaysia sahaja. Kemudian, dalam bidang grafik saya sambung balik semasa bekerja di Kuala Lumpur. Saya ambil diploma lukis dan grafik di Kuala Lumpur. Setakat itu sahaja.
- FN** : Apakah cita-cita encik ketika zaman persekolahan encik?
- ER** : Pada masa itu, bayang-bayangan itu. Melukis itu sudah ada. Jadi, ada pernah lah bercita-cita untuk jadi seorang pelukis. Tapi untuk jauh lagi sebagai seorang pelukis itu masih buntu. Kawan waktu itu tidak ada yanh mempunyai minat yang sama untuk melukis. Pada masa itu lah. Jadi, terberhenti begitu sahaja cita-cita itu.
- FA** : **Haah. (Ya)**
- ER** : Tapi dalam masa yang sama, masa saya belajar di Kuala Lumpur, 1969 terjadilah tragedi Mei 13, di Kuala Lumpur lah. Pada masa itu segala-galanya sudah berubah. Kuala Lumpur sudah hancur. Jadi tidak tahu nak pergi ke mana. Pada masa itu, pasukan polis memerlukan anggota untuk mengawal keamanan negara. Maka saya, bukan saya sahaja lah, kawan-kawan saya pun pergi masuk polis. Tahun 1969 itu kan.
- FA** : **Ha ya.**
- ER** : Masuk polis, maka kekal lah saya dalam polis itu. Selepas menamatkan latihan di Kuala Lumpur. Dipanggil Pulapol lah sekarang. Tamat kursus di situ,

dihantarlah ke Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Jadi saya melukis itu sambil bekerja. Dalam sewaktu jadi anggota polis itu. Saya curi-curi melukis, waktu masa lapang. Tiada apa yang nak dibuat saya melukis, di rumah saya melukis. Jadi begitulah.

- FN : **Oh.**
- ER : Jadi macam itu lah. Nak pergi kepada pelajaran, sudah habis. Tetapi setelah saya bertukar daripada Pengkalan Chepa ke Bukit Aman.
- FN : **Haah. (Ya)**
- ER : Kerja di Pejabat Pengurus Penerangan Peringkat Negeri yang ada sangkut paut dengan melukis,dengan penerbitan, buat majalah, buat buku. Semualah. Maka saya dihantar lah belajar swasta. Saya ambil diploma pereka grafik di salah satu tempat di Kuala Lumpur. Sekarang dah tak ada dah di Institusi MENSA. Sekarang pun dah tak ada dah. Dah tutup dah. Ilmu-ilmu grafik apa semua itu, boleh lah sikit-sikit. Tapi pada masa itu, grafik tidak menggunakan komputer lagi.
- FA : **Oh.**
- ER : Belum ada komputer lagi. Cuma pakai kamera. Jadi bila datang komputer itu, agak susah juga tapi rugilah sebab kita sudah ada *basic* (biasa) itu boleh buat juga.
- FN : **Oh. Yang ini mengenai sekolah juga. Apakah jawatan yang disandang oleh encik ketika di peringkat sekolah?**
- ER : Kalau jawatan sekolah rendah itu, jawatan biasa lah. Kalau sekolah menengah itu, tiada jawatanlah.

- FN** : **Tiada? Okay. (baiklah) Tidak apa. Lepastu adakah encik pernah memenangi sesuatu pertandingan pada zaman sekolah encik?**
- ER** : Jadi pada zaman sekolah dulu, saya lebih banyak menulis.
- FA** : **Mengarang.**
- ER** : Tingkatan dua itu, saya dah menulis. Hantar ke majalah, disiar apa semua. Tunjuk pada cikgu, cikgu pun hairan. “Eh! Tingkatan dua sudah boleh menulis tulisan yang sudah masuk dalam majalah!” Dia pun hairan macam mana.
- FN** : **Oh.**
- ER** : Ha (Ya) dulu-dulu. (Ketawa). Ada satu hari itu dapat cek daripada Majalah-majalah bayaran dari pada karya waktu itu. Jadi dapat dekat cikgu lah. Cikgu buka lah. Dapat cek duit lah waktu itu.
- FN** : **Dapat cek.**
- ER** : Cek bukan banyak, RM20 sahaja.
- FA** : **Oh, RM20.**
- ER** : Duit zaman dulu kan. Nak tukar pun tak boleh. Kita (saya)--akaun bank pun tiada. (Ketawa).
- FA** : **Oh. (Ketawa)**
- ER** : Cikgu pun hairan “Eh! Budak ini macam mana boleh menulis sehingga karya dia disiarkan?”

- FN : Oh. Okay. (baiklah) Bolehkah kami tahu persepsi rakan-rakan dan keluarga ketika encik memilih kursus tersebut? Diploma Grafik.
- ER : Sebenarnya keluarga waktu itu. Mereka tak tahu. Kerja saya waktu di Bukit Aman semua itu melibatkan kepada penerbitan, buku-buku apa semua. Orang kampung semua tidak tahu kecuali dalam kalangan *staff-staff* (pekerja-pekerja), bos kita.
- FN : Rakan-rakan?
- ER : Yelah rakan-rakan di tempat kerja itu tahu lah. Orang-orang kampung tidak tahu urusan itu.
- FN : Apakah kursus-kursus professional lain yang pernah encik ikuti?
- ER : Tiada.
- FN : Apakah keunikan ataupun kelebihan yang dapat encik lalui semasa memilih kursus tersebut? Semasa diploma.
- ER : Pada masa itu, yang utama sekalinya. Untuk mereka sesuatu macam *cover* (kulit) buku, dalaman buku semua itu lah. Jadi, benda-benda macam itu memerlukan pengetahuan tentang reka bentuklah. Jadi sangat berguna lah. Manakala kebolehan utama saya itu melukis kartun, tapi melukis kartun itu tidak boleh di belajar di mana-mana. Tiada satu pun, mana ada sekolah ajar macam itu. Tiada. Sekarang pun tiada lagi. Sekolah ke Universiti ke yang menawarkan bidang kartun. Animasi ada.
- FN : Animasi ada.
- ER : Ha (ya) animasi ada. UiTM ke mana-mana ke, animasi ada. Tapi kartun tiada, jadi kartun itu tiada tempat untuk belajar. Semua belajar itu secara sendiri,

ataupun bertanya kawan-kawan ataupun mentelaah kartun-kartun daripada luar negara kemudian kita dapat idea, dapat meniru sedikit sebanyak. Itu saja.

FN : Okay. (baiklah) Adakah hubungan industri dan kursus yang encik mengambil semasa di universiti saling berkait?

ER : Macam mana?

FN : Hubungan industri yang diploma grafik tadi itu, ianya saling berkait ke tidak dengan apa yang encik buat sekarang ini?

ER : Memang. Boleh diguna pakai sampai sekarang ini. Sebab saya sekarang bukan melukis kartun saja. Macam-macam saya buat. Sekarang ini lebih banyak kepada *design* (mereka) kulit buku kan.

FA : Oh.

ER : *Book Cover* (kulit buku) Sekarang pun ada. Tiap-tiap bulan pun boleh dikatakan ada satu dua orang kawan ke yang mintak saya *design* (reka).

FN : Oh okay. Semasa mengambil diploma *Graphic Design* itu apakah jenis-jenis halangan yang harus encik lalui semasa di universiti?

ER : Pembelajarannya bukan secara *full-time* (sepenuh masa) kan. Saya kan kerja, jadi ada masa tertentu yang kita masuk kelas itu kemudian kita belajar. Ada satu hari dekat satu jam, esok pun sama. Selebihnya kita tunggu di pejabat. Bukannya *full time* (sepenuh masa)

FN : Oh jadi apakah pengalaman-pengalaman manis semasa encik menuntut di universiti?

- ER : Jadi ada lah masa dengan kawan-kawan., kita boleh rapat dengan kawan-kawan, *lecturer-lecturer* (pensyarah) kita pada masa itu yang kita anggap tidak terkenal lagi. Sekarang kita tengok dah terkenal. (Ketawa) “Weh tak sangka dulu mengajar ini, sekarang jadi Professor.” Ha macam itulah.
- FN : Wah! Okay. (baiklah) Pada pendapat encik, adakah kursus yang dipilih oleh encik dapat memberi sedikit sebanyak ilmu dalam pekerjaan yang encik ceburi sekarang?
- ER : Yelah bila kita ada ilmu tentang grafik ini, mudahlah untuk buat kerja. Sedangkan kartun pun ada juga unsur-unsur grafik yang kita masukkan. Kalau tidak kartun pun tidak akan jadi menarik. Grafik ini sebenarnya merupakan satu benda yang menarik sesuatu imej itu. Untuk memberi daya tambah kepada sesuatu imej daripada kurang baik kepada lebih baik. Grafik itu ada nilai tambah.
- FN : Soalan akhir pada bahagian ini. Pada fasa mendapatkan pendidikan, adakah encik aktif dalam mana-mana aktiviti seperti kurikulum dan aktiviti lain?
- ER : Banyak terlibat dalam Persatuan Kartunis Selangor dan Wilayah Persekutuan [PEKATUN], kamilah yang menubuahkan jawatankuasa penaja.
- FA : Oh.
- ER : Antaranya termasuk saya, kemudian Prof. Dr. Mulyadi Mahmood daripada Universiti Teknologi Mara UiTM juga tapi dah bersara dia sekarang.
- FN : Oh.

- ER : Kami bersama lah tu. Kemudian beberapa orang lagi kartunis termasuk Lak pun ada, Zunar pun ada, Zainal Buang pun ada. Kami lah yang buat jawatankuasa penaja itu, yang menubuhkan, iaitu pada 1990.
- FN : **Oh okay. (baiklah) Bahagian seterusnya saya serah kepada Fawaqih.**

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA AWAL

FA : Okay (baiklah) Pak Rossem, soalan kami ini macam berulang juga lah.

ER : Haah. (Ya) Tidak apa.

FA : Okay. Apakah kerjaya pertama encik setelah tamat pengajian?

ER : Dalam bidang kartun ini, setelah kita buat kartun daripada '60 [1960] kan dan '70 [1970], kita buat tanpa dapat apa-apa pun.

FN : Tidak dapat se sen pun?

ER : Ha. (Ya) Tiada-tiada. Tidak dapat duit lah maksudnya. Jadi berkat kesabaran, kita ingat walaupun kita tidak dapat duit, kita buat juga. Masa itu kita buat dekat majalah hiburan, masa itu majalah filem lah, tempat mengasah bakat pelukis-pelukis ini lah kartun Lak apa semua itu datangnya daripada majalah filem. Majalah filem itu, ada satu kolumn, kolumn '*Mari Ketawa*', dua muka surat. Di sitolah bermulanya setiap karya dari saya itu dapat monorium, di sitolah bermula, bukan duit tapi tiket percuma untuk menonton di pawagam 'Shaw Brothers' [SB] masa itu. Jadi di situ lah baru kali pertama mengenal ada sikit sumbangan walaupun tidaklah dalam bentuk duit, tapi dalam bentuk tiket.

FN : Oh.

ER : Kemudian kalau dalam majalah-majalah lain, majalah hiburan lain. Setakat dia bagi majalah sahaja lah. Bila sudah siap dia pun *post* (kirim) majalah itu kepada kita. Tapi walaupun tidak dapat duit, tapi kerana minat kita itu, kita buat. Kemudian pada 1975, baru lah karya kartun itu dijadikan komik, diterbitkan, lepas itu baru dapat duit.

- FN** : Oh.
- ER** : Tahun 1974 mula buat komik di Kota Bharu, bawah syarikat Toko Buku Asia.
Pada masa itu syarikat komik di bayarlah.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM KERJAYA SENI

- FA** : **Apakah profesion dan bidang encik pada masa kini?**
- ER** : Sampai sekarang pun saya masih lagi melukis, masih lagi buat kartun, melukis, menulis. Tiga benda itulah. Melukis, menulis lepas itu kartunis.
- FN** : **Kartunis.**
- ER** : Kartunis ini macam-macam lah. Ada yang landskap, buat potrait. Macam-macam lah.
- FA** : **Encik masih ingat tak, bila waktu encik mula bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ni?**
- ER** : Mula-mula lukis seperti yang saya bagitahu tadilah. Bermula akhir tahun '60 [1960]. Jadi selepas saya habis latihan polis itu, Dari situ saya mula serius, tumpuan lebih sikit. Waktu itu tahun '70 [1970]. Komik pertama disiarkan pada tahun 1975, bukan disiarkan, dibukukan tahun tujuh '75 [1975].
- FA** : **Adakah di antara keluarga encik mempunyai minat yang sama dengan encik?**
- ER** : Anak-anak saya itu ada yang boleh melukis tapi tidak serius seperti mana saya lah. Yang melukis kartun itu hampir tidak ada langsung. Tapi dua orang daripadanya kerja grafik.
- FA** : **Oh.**
- ER** : Ha (ya) kerja grafik di Kuala Lumpur juga. Seorang lagi itu ada dekat kampung ini, dia belajar grafik juga. Tapi yang kurang-kurang sikit lah.

FA : **Bagaimana pembahagian masa encik antara melukis serta masa dengan keluarga?**

ER : Melukis ini macam sekarang ini kan, ada studio apa kan.

FA : **Haah. (Ya)**

ER : Di galeri kartun ini, jadi siang hari kebanyakkan saya duduk sini lah. Saya melukis dekat sini. Jadi bila malam pukul 9 itu tiada dah lah. Tutup dah.

FA : **Okay (baiklah) lepastu, boleh tak encik berkongsi mengenai bidang seni lukisan ini dari segi pandangan encik sendiri?**

ER : Macam mana?

FA : **Kongsi bidang seni lukisan ini dari pandangan pak Rossem sendiri.**

ER : Lukisan ini potensi dia bagus sekarang ini kalau nak dibandingkan dengan dulu, rasanya sekarang ini lagi bagus. Sambutan, peluang, untuk jualan apa semua lagi bagus. Yang pertama, kita mudah untuk pamerkan karya kita samada secara solo, ataupun secara berkumpulan. Kita pamerkan dan ada karya yang boleh dijual lah. Yang kedua, kalau tentang kartun, agak malang sedikit lah sebab industri percetakan sudah berkurang, surat khabar pun sudah berkurang. Dulu setiap kartunis ini mengharapkan akhbar saja untuk menyiarkan karya mereka dan setiap karya yang tersiar itu dibayar, dan karya itu secara bersiri. Ada yang mingguan, ada yang harian. Jadi setiap kartunis boleh meneruskan kerjaya dia sebagai kartunis yang berpanjangan. Umpamanya macam saya dulu, *Konstabel Jabit*, selama 15 tahun berada dalam akhbar Utusan Malaysia daripada tahun 1978 sampai tahun 1993. Lama masa itu.

FA : **Itulah.**

- ER : Jadi pada tahun 1993 itu, saya bekerja di akhbar Utusan, maka saya tinggal lah, tidak boleh buat kartun lah. Nak buat kartun di akhbar lain tidak boleh. Jadi saya berhenti dengan Utusan itu, saya buat dengan yang macam sekarang ini. Bermakna pada masa itu, *profesion* (kerja) saya itu sebagai kartunis lah.
- FA : ***Profesjon* kartunis.**
- ER : Sepenuh masa. Cari makan dengan kartunis sepenuh masa. Tiada kerja lain, itu sahaja.
- FA : **Apa pengalaman manis bagi encik sepanjang penglibatan dalam bidang seni ini?**
- ER : Cabaran lah. Manis ni, nak bertemu manis ini susah juga. (Ketawa) Manis itu kalau orang bayar dapat duit itu manislah. (Ketawa)
- FA : **(Ketawa)**
- FN : **(Ketawa) Bayaran lah?**
- ER : Ha (ya) bayaran lah. Tapi cabaran itu lagi banyak. Yang pertamanya, bukan senang sebenarnya nak melukis ini. Kalau orang yang nak dapat kolumnya setiap hari dalam akhbar itu misalnya kan. Jadi setiap hari kita terpaksa menyiapkan satu keping kartun untuk disiarkan. Bayangkanlah kalau sepuluh tahun macam mana? Sepuluh ribu keping kartun setiap tahun ini. Bayangkan macam mana nak dapatkan idea setiap hari. Tidak boleh kerja lain dah. Dulu semasa saya bekerja dia Utusan dulu, satu hari dua kartun. Satu kartun editeria, setiap kartun itu perlu siap. Jadi dalam masa sembilan tahun. Bayangkan berapa banyak, sembilan tahun 78 dua keping.
- FA : **Oh.**

- ER : Jadi, cuba fikir macam mana kartunis boleh sampai, boleh buat semua itu.
- FN : **Haah. (Ya) Susah.**
- ER : Jadi rumit. Jadi itu semua cabaran lah. Jadi cabaran yang keduanya ialah bukan semua karya kita itu orang suka. Yang suka itu memang ada lah, macam yang saya buat itu kebanyakannya kartun yang bertemakan kritikan sosial kan.
- FA : **Haah. (ya)**
- ER : Sosial kritik. Dan sosial kritik ini yang kita mengkritik sesuatu isu itu. Sesuatu yang jadi isu itu kita kritik. Jadi ada orang suka, ada orang tak suka. Orang yang tidak suka itu, dia marahlah. Marah itu macam-macam cara. Jadi itu cabaran dia. Kemudian satu lagi ada kartun yang tidak disenangi oleh kerajaan. Kita buat kartun yang tidak disenangi oleh kerajaan, oleh pemerintah kerana mengkritik dia. Kemudian ada pula cabaran yang kebiasaannya dia akan hantar lah. Bagi nasiha kepada kita, dia perdayakan kita. Jadi macam-macam cara. Di situ, itu yang cabaran paling berat sekali tu. Dia ugut kita macam mana. Tangkap ke apa ke. (Ketawa) Itu cabaran yang paling berat itu. Pernah saya alami semua itu.
- FN : **Sebagai seorang pelukis ya?**
- ER : Pernah satu kali itu, semasa perang Teluk dulu. Iraq dengan Amerika itu-- saya buat kartun menyokong Iraq. Pada masa itu akhbar-akhbar kita semua menyokong Iraq. Tiada yang sokong Amerika. Jadi datang itu wakil-wakil Arab Saudi lah, kerajaan dan pasukan bersekutu Iraq itu. Amerika pun datang sekali lah. Datang pujuk supaya jangan buat, kalau nak buat juga ubah. Itu semua cabaran yang paling susah kita nak fikirkan. Benda-benda macam itu, ada yang orang lain itu lebih teruk lagi. Didakwa di apa semua kan.

- FA : **Ya.**
- ER : Dia naik mahkamah kerana membuat sesuatu isu yang menyinggung orang lain, mengkritik orang lain, ramai orang tidak suka, disaman apa semua pun banyak. Tapi saya, itu belum sampailah. (belum kena) Tapi ugut-ugutan itu memang biasa lah.
- FN : **Ugutan?**
- ER : Ha (ya) (ketawa) ugutan.
- FN : **Ugutan maut ke ugutan macam dicaci?**
- ER : Eh ugutan orang-orang pengkarya ini, dia bukan ugutan macam tu. Kebanyakan ugutan nak bagi duit lah.
- FA : **Oh.**
- FN : **Oh. Rasuah**
- ER : Rasuah lah. Bagi duit ini, jangan buat dah. Ataupun kau kerja dengan aku pula. Ha macam itu lah.
- FN : **Oh.**
- ER : “Ha, kau kerja dengan aku pula.” Lepastu bagi duit sekian-sekian (sebagainya). Contohlah dia tanya “berapa mahu bagi duit.” Kita katalah “lapan ribu” [RM8,000]. Ha di situ kita pun macam “Eh”
- FA : **Dalam dua lah?**
- ER : Ha. (ya) dalam dua lah. Tapi saya tak (tidak) pernah termakan benda-benda camtu (macam itu) Jadi kita pun ada lah benda itu.

FN : **Sebab dulu lagi lah. Tapi sekarang ini lagilah makan rasuah semua itu.
Sebab duit. Ingatkan ugutan.**

ER : Bukan.

FN : **Macam cerca maki macam itu. Tidak lah?**

ER : Ha. (ya) Tidak. Banyak golongan-golongan karyawan itu, ugutuan-ugutuan dia macam itu lah. Ugutan kewangan lah. Lagi tinggi harga, terbeliak mata.

FA : **Oh. (Ketawa) Lepastu pak Rossem ada mempunyai idola yang menjadi inspirasi encik dalam menghasilkan sesebuah lukisan?**

ER : Setiap kartunis itu memang ada dan saya pun ada juga, cuma kebanyakkannya diambil di luar negara lah. Terutama bagaimana dia fikir untuk sesuatu isu itu untuk terjemahkan dalam kartun kan.

FA : **Ha. (ya)**

ER : Dalam bentuk kritikan apa semua. Dia itu kita kena banyak mentelaah lah, banyak kita belajar, banyak kita meneliti karya-karya orang yang hebat di dunia ini. Bagaimana sesuatu isu itu kita olah sesuatu isu itu untuk jadi kartun yang ada unsur-unsur *humour* (humor) dan kritikan. Itu penting. Macam ini lah, (sambil tunjuk lukisan sebelah kiri) ini tentang warisan kan?

FA : **Ya.**

ER : Tentang bagaimana nak menyelamatkan warisan. Kalau kita tengok dari sini. Apa benda ini? Tidak tahu apa pun kan? Apa benda ini. Potong. Potong tiang. Sebenarnya ini makna dia.

- FA** : **Dalam?**
- ER** : Ha (ya) dalam. Tiang itu warisan lah tu, ada bunga-bunga itu, kemudian tiang-tiang itu dipotong dijadikan sebagai makanan. Makanan itu ditafsirkan sebagai kewanganlah.
- FN** : **Oh.**
- ER** : Wang. Wang. Jadi boleh dijual sebenarnya. Jadi barang lama ini boleh dikomersialkan, dijual.
- FN** : **Oh.**
- ER** : Jadi benda-benda macam itu lah yang kita harus fikir, kita harus melihat karya-karya orang lain. Macam mana dia buat, tapi bukan kita mahu tiru dia. Tidak boleh.
- FN** : **Ambil inspirasi?**
- ER** : Tapi kita mahu buka minda kita. Jangan sempit (pemikiran) saja. Dalam lingkungan kita ini sempit sangat. Kita mahu luaskan minda banyak kita membaca karya-karya, meneliti karya-karya orang lain.
- FN** : **Pasal idola itu kan. Pak Rossem ada ke yang spesifik, yang pak Rossem idolakan satu orang ini.**
- ER** : Artis?
- FA** : **Idola spesisfik ada tak?**

- ER : Oh. Saya banyak terpengaruh dengan. Orang kata lah. Saya terpengaruh dengan kartunis dari luar negara itu, nama dia (berfikir) lupa dah nama dia. (Ketawa)
- FN : **Tak ingat? (Ketawa) Tidak apa.**
- ER : Nama dia Ronald, Ronald (Ronald Searle) Banyak yang saya gunakan struk-struk dia saya ikuti dia. Terutamanya masa saya buat lukisan. Jadi struk dia itu *detail* (teliti), jadi saya pun buat secara *detail* (teliti) sebab apa? Sebabnya kartun ini kita boleh siapkan dalam masa dua jam sahaja.
- FN : **Oh, dua jam.**
- ER : Tapi kalau saya buat dalam masa dua jam, jadi kita kerja lapan jam kan dalam satu hari. Lapan jam lah kan.
- FN : **Haah. (Ya)**
- ER : Lapan jam kerja kerajaan, kerja swasta. Jadi enam jam lagi nak buat apa? Jadi kita buat dua jam itu jadi tiga ke empat jam. Jadi yang mana *slow-slow* (perlahan) lah kan dengan *detail* (teliti) apa semua. Tapi macam sekarang ini, saya buat lagi cepat sebab guna komputer.
- FN : **Oh.**
- ER : Jadi manual campur komputer ini, kadangkala guna *Photoshop*, komputer, jadi makin ringkas, cepat dan hasilnya pun lagi bagus.
- FA : **Pada pendapat encik apakah persiapan penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?**

- ER : Persiapan untuk menjadi seorang pelukis sebenarnya ialah ilmu. Sebelum kita nak (mahu) terjun dalam bidang, kita kene (perlu) tahu. Kartun jenis apa yang kita mahu buat. Kerana kartun ini bukan satu jenis sahaja. Kita boleh bagitahu kalau orang tanya nanti.” Ini kartun jenis apa ni?” Kita pun jawab. “Kartun lah”. Orang tu pun jawab. “Tahulah, tapi kartun banyak kategorinya.” Jadi kalau dalam skop yang besar (jenis kartun). Dia ada tiga kategori kartun, yang pertama kartun kritik sosial, idetorial kartun. Ini termasuk dalam kategori yang pertama tadi lah. Yang kedua lucuan kartun (hiburan) semata-mata. Contohnya macam, kartun yang semata-mata untuk hiburan. Ada lagi. Yang ketiga itu kartun macam ilustrasi.
- FN : **Ilustrasi.**
- FA : **Ilustrasi.**
- ER : Dia buat sebagai ilustrasi. Yang tiada maksud apa-apa. Yang ketiga itu karikatur. Karikatur sebenarnya dia duduk dalam kategori lain. Tapi termasuk dalam kategori ilustrasi juga. Karikatur bermaksud dia melukis wajah seseorang itu, tetapi tidak seperti wajah yang sebenar orang itu. Dia ubah wajah orang itu (yang dilukis). Kalau orang yang cantik, kita ubah jadi orang yang lain. Tapi kita masih kenal siapa (yang dilukis) itu. Jadi kita tonjolkan orang itu, kalau hidung dia besar, lukis pun jadi makin besar. Jadi kita tengok (yang melihat lukisan) boleh tengok kita kenal orang itu dekat bahagian mana. Ada satu *part* (bahagian) badan kita itu orang kenal. Jadi orang macam “Oh! ini dahi orang itu”. Jadi kita besarkan dahi (ketika melukis). Kita focus (beri perhatian) untuk melukis dahi orang itu. Dalam dunia kartun ini ada tiga kategori, dalam skop yang besar lah. Jadi kita nak melukis itu, kene (perlu) tahu lah kategori mana yang kita buat itu. Yang pertama ke, kedua kea tau yang ketiga itu. Nanti kalau orang tanya. “Eh, tak tahulah ini kategori apa pulak?” Kita pula jawab. “Ini kategori kartun lah.” Jadi tak betul lah. Jadi kita kena (perlu) tahu lah dekat mana terduduknya (kategori mana) kartun kita itu.

FA : **Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang untuk dia menjadi pelukis?**
ER : Ciri-ciri. Oh, yang pertama minatlah yang perlu ada. Bakat itu boleh di asuh. Maknanya, ada bakat, tiada minat tak boleh juga.

FA : **Betul.**
ER : Jadi yang pertama perlu ada minat, yang kedua pemikiran kita itu kena (perlu) tajam sikitlah. Contoh yang macam saya bagitahu tadi, yang pertama itu.

FA : **Oh.**
ER : Pemikiran perlu tajam. Isu- isu semasa, perlu banyak membaca. Tapi kalau kategori yang kedua ini, karikatur, dia tidak perlu melibatkan pemikiran yang tajam. Dia tidak melibatkan idea. Dia melibatkan pandangan. Atas (bergantung) kepandaian atau kebiasaan kita melukis, yang kedua kebolehan kita untuk melukis karikatur. Itu sahaja.

FA : **Dari segi bentuk latihan yang sesuai untuk pelukis-pelukis baru ini? Apa?**
ER : Pelukis, setiap hari perlu melukis. Itu sahaja. Kalau pelukis lama pun, kalau dia tinggal satu bulan pun dah jadi susah (untuk melukis).

FA : **Oh.**
ER : Ha susah. Memang dunia pelukis ini macam itu. Dia kena (perlu) setiap hari melukis. Itu sebab pertama, orang yang baru belajar. Orang lama pun macam itu juga, dia bawak pergi ke mana- mana pun, dia ada buku *sketch* (buku lukis). Di atas bas ke, di dalam kapal terbang ke, di mana-mana sahaja. Lukis kereta, lukis kawan-kawan ke apa ke. Ada buku panjang itu buku *sketch* (buku lukis).

- FA : **Oh.**
- ER : Ada buku *sketch* (buku lukis) itu tujuannya, untuk melatih tangan dia (pelukis) jadi lembut dan susah nak hilang lah (cara untuk Lukis). Jadi kalau dia hilang sebulan dua, susah lah nak dapat balik.
- FN : **Dapat inspirasi ke?**
- ER : Nak dapat balik semua lah karya lukis kartun.
- FA : **Karya.**
- ER : Jadi kerap. Macam penulis juga lah. Kalau penulis itu, kalau tinggal lama menulis, nak tulis satu baris pun payah (susah).
- FA : **Haah. (Ya)**

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: KERJAYA SEBAGAI PELUKIS

FA : Apakah lukisan yang pertama yang encik hasilkan pada waktu permulaan kerjaya encik?

ER : Lukisan pada masa itu, kalau kita tengok sekarang pun kita malu. (Ketawa)

FA : **(Ketawa)**

ER : Dan idea pada masa itu pun tidak sama. Kita masa budak-budak itu lain, dewasa pun lain. Jadi orang tengok lukisan kita bagus kan. Niat untuk siapkan kerja sahaja lah. Saya tidak ada istimewa apa-apa. Ada lebih sikit pada yang lain-lain itu kira diterima lah.

FN : **Haah. (Ya)**

ER : Idea pun bergantung pada usia kita. Usia kita muda, tujuan apa untuk kita buat kartun itu. Kalau kita buat kartun untuk surat khabar, kita akan buat kartun yang selari dengan kehendak surat khabar jangan kita hentam dia pula.

FA : Apakah jenis lukisan yang encik gemar untuk hasilkan?

ER : Saya selalu lukis semua aspek daripada yang lucuan semata-semata itu, yang tidak bawa apa-apa imej, isu apa semua. Yang tidak membawa tujuan apa- apa pun saya suka buat. Yang kritikal sosial pun saya buat, yang politik, politik yang paling banyak saya buat itu. Paling banyak-banyak, itu yang pertama itu (gemar melukis) politik. Kemudian, dakwah pun saya buat, bahasa, bahasa pun saya turut buat. Kempen bahasa. Jadi saya itu lah, banyak *genre* (jenis) kartunlah.

- FA : **Teknik lukisan yang selalu digunakan dalam penghasilan sesebuah lukisan?**
- ER : Tekniknya adalah salah satunya, gaya kita melukis, kita perlu mencari identiti kita. Identiti ini besar (penting). Kalau kita jumpa identiti itu, jadi karya yang tidak baguslah. Harini berubah, esok berubah. Jadi tiada lah macam hari ini lukisan ini, esok lukisan lain. Tiada-tiada. Jadi pertama sekali perlu cari identiti. Jadi setiap hasil kartun itu, mesti ada identiti dia.
- FA : **Bagaimana encik dapat inspirasi untuk menghasilkan sesebuah karya itu dalam satu masa?**
- ER : Karya kartun ini dia kira, ada matlamat dia. Untuk apa kita buat itu kan?
- FA : **Ya.**
- ER : Untuk apa kita buat. Kalau untuk-- katakanlah untuk satu hari itu, dia suruh buat dua lukisan. jadi buat sahaja lah. Macam mana pun siapkan juga dua itu. Jadi kita buat dalam keadaan masa yang sama, buat dua. Tapi kalau waktu tiada tujuan apa yang mahu kita lukis itu, yang ini lukisan satu, yang ini satu. Tiada tujuan lain. Untuk sendiri kita. Kalau untuk sendiri itu tengok masa kita.
- FA : **Selalunya di manakah tempat yang menjadi pilihan untuk pak Rossem melukis?**
- ER : Sekarang ini saya lukis di Balai Kartun lah. Sebelum ini saya lukis di rumah. Kalau urusan kerja itu saya lukis di pejabat.
- FN : **Sini [BKR] bukan pejabat?**
- ER : Masa pejabat diorang (mereka)-- Masa saya kerja di pejabat dulu, saya lukis di pejabat.

- FA : Oh.
- ER : Pejabat akhbar lah, tak kan nak lukis di rumah. Kalau pencer ini, lukis di Balai Kartun Rossem [BKR].
- FA : **Sebelum encik nak memulakan melukis, apa yang encik akan lakukan untuk mengambil *mood* bagi menghasilkan karya?**
- ER : Yang pertama, saya kena fikir juga watak itu watak apa. Lama-lama kita tidak melukis ini, jadi sukar juga lah. Macam mana watak orang itu , kalau hari-hari lukis tidak jadi masalah. Terus jadi. Jadi kalau kita lukis itu, kita guna pensel dulu lepastu baru pen.
- FA : **Siapa yang banyak mendorong encik untuk teruskan melukis?**
- ER : Peminat-peminat banyaklah memberi kita semangat. Ataupun bila siap kartun yang kita masukkan ke dalam itu (akhbar atau majalah) kalau bertahan lama itu bermaknanya, masyarakat dia terima lah, pembaca dia terima. Dan lain-lain *editor* pun berpuas hati, *respon* (tindak balas) dari lukisan kita itu dah sampai kepada *editor*. Orang akan hubungi mereka. Lepas itu, contoh kalau hari ini dapat tindak balas, mereka akan hantar terus kepada kita, dia akan tahu alamat kita macam mana nak hantar. Kalau macam sekarang ini guna media sosial lah, kalau banyak *like* (suka) itu kira orang suka lah kan.
- FA : Ya.
- ER : Sekarang ini dekat media sosial lah. Kita masukkan karya kita dalam *facebook* itu, ramai orang suka bermakna karya itu baguslah.
- FA : **Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran di antara lukisan-lukisan yang encik pernah hasilkan?**

- EA : Karya yang?
- FA : Lukisan kegemaran yang di antara Pak Rossem hasilkan.
- ER : Oh, memang ada.
- FA : Lukisan apa?
- ER : Tapi atas tema tertentu itulah. Sebabnya semua yang kita lukis itu memang kita akan suka semua lah. Tak boleh lari lah. Tapi dalam banyak-banyak itu, mestilah ada satu yang istimewa.
- FN : Boleh tunjuk tak?
- ER : Yelah kalau macam yang ini saya buat itu kira yang paling saya suka lah.
- FN : Oh okay. (Baiklah)
- ER : Atau yang paling lama dalam itu (ambil tunjuk dalam bilik lukisan).
- FA : Dalam banyak-banyak lukisan yang encik hasilkan, bagi encik yang manakah yang paling bernilai dan istimewa?
- ER : Yang mana.
- FA : Dari segi harga.
- ER : Kalau yang saya buat macam sekarang ini lah. Bila masuk dalam *facebook*. Kalau orang beli itu kira baguslah itu. (Ketawa)

- FA : **(Ketawa)**
- ER : Orang beli itu kira terbaik lah walaupun sikit sahaja yang suka tapi orang lain suka.
- FN : **Oh. Dalam banyak karya-karya encik, bagi encik apakah lukisan yang paling mencabar untuk dihasilkan?**
- ER : Kalau lukisan itu yang orang suruh buat macam ini, macam itu kira susahlah. Yang karikatur ini kalau kita buat daripada jiwa kita, daripada kehendak kita untuk lukis. Tapi kalau daripada orang lain suruh lukis benda yang mereka nak, jadi susah lah. Itu sahaja beza dia. Kalau siap yang kita buat dari kehendak kita itu, kita boleh buat. Tapi daripada orang lain itu suruh, lepas itu kita buat, itu yang susah.
- FN : **Sebab idea ke?**
- ER : Kekadang buat macam ini tak jadi, macam itu tak jadi. Macam penyair lah, penulis buku ke apa ke, sekali buat tidak jadi lagi. Mesti ada orang *complain* (mengeluh), “Oh, kena macam itu, macam ini.” Itu lah orang yang kerja grafik ini kena sabar banyak. Karya kita itu dibayar, jadi mesti kehendak kita, dan kehendak dia itu kita pun tidak berapa faham juga. Macam mana dalam kepala dia. Sebab dia pun tidak nampak lagi. Bila dia tengok hasil baru dia tahu, “Oh, kalau macam ini, macam ini.” Jadi kita kena banyak sabar.
- FA : **Antara lukis grafik dengan lukis reka bentuk atas kertas, yang mana encik lagi rasa mencabar?**
- ER : Yang sekarang ini lagi mudah sebenarnya sebab kita boleh buat dengan komputer. Kemudian, kalau tidak kena lukisan itu boleh ubah.

- FA : **Edit ke?**
ER : Ya boleh ubah. Dalam komputer itu tidak susah untuk ubahnya (lukisan).
Boleh ubah, apa semua. Tapi kalau zaman dulu, manual ini memang susah.
- FN : **Salah buang ke?**
ER : Ya, perlu buat lain.
- FN : **Itu yang mencabar itu.**
ER : Terpaksa lukis lain lah. Rugi masa. Kalau sekarang nak tambah ke nak buang ke senang.
- FN : **Kalau salah buat boleh ambil balik, boleh buang balik.**
ER : (Mengangguk).
- FA : **Apakah alatan yang digunakan semasa menghasilkan lukisan grafik?**
ER : Alatan?
- FN : **Peralatan.**
ER : Oh peralatan. Kalau sekarang ini komputer lah. *Photoshop*. Banyak guna *photoshop*.
- FN : **Selalunya *graphic designer* (pereka grafik) guna pen dan tab.**
ER : Ha (Ya) sama, ada guna juga.

FA : Selain kepakaran dalam melukis, encik ada kepakaran dalam bidang lain ke?
ER : Menulis lah.

FA : Oh tadi.
ER : Pasal dulu saya menulis akhbar pun ada. Dalam buku pun ada hasil penulisan saya.

FA : Sekiranya saya diizinkan untuk tahu, apakah hasil karya encik yang terkini dan ianya bertujuan untuk kerja atau untuk simpanan sendiri?
ER : Sekarang ini kalau lukisan itu untuk, banyaknya untuk mengkritik sahaja. Sebab tidak lagi buat dalam surat khabar, buat dalam *facebook* sahaja, semata-semata untuk mengkritik sesuatu isu yang kita anggap kurang memuaskan, kurang setuju. Makna kartun ini, ada kelembutan dia, ada tegur, dengan *humor*. Jadi sesiapa yang baca, yang terasa terhadap lukisan kita itu, kurang marah akan lukisan kita.

FA : Lebih untuk kritiklah?
ER : (Mengangguk)

FA : Pada waktu encik menghasilkan sesebuah lukisan, ada tak menerima kritikan positif?
ER : Ada juga lah. Pandangan negatif ada lah. Tapi sekarang dah biasa dah. Sudah jangka dah.

FA : Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ini, boleh anggarkan berapakah hasil karya yang encik telah hasilkan? Anggaran.

ER : Kalau nak dikira kan, yang saya serah kepada Perpustakaan Negara Malaysia [PNM], 1,500. Itu dikira berapa peratus dah tu. Sepuluh peratus baru. Yang ada disini [BKR] pun banyak. Berpuluhan-puluhan ribu juga lah.

FN : Banyak.

ER : Banyak.

FA : Berapa banyakkah lukisan yang terjual pada waktunya?

ER : Kartun ini susah sikit nak jual. Yang mudah jual itu, lukisan-lukisan jenis yang tentu-tentu (sudah pasti) orang mahu. Diberi tema-tema tertentu dalam pameran. Ada yang nak, ada yang tidak berkenan langsung. Di Kelantan ini, kuasa membeli karya-karya ini di kalangan Melayu sikit.

FA : Kurang?

ER : Ya kurang. Bukan lukisan saya sahaja. Ramai yang macam itu. Bukan kata tiada duit tapi kuasa pembeli lah.

FA : Lukisan yang termahal pernah dijual? Berapa harganya?

EA : Lukisan yang serah dekat Perpustakaan Negara Malaysia itu dibayar RM98,500 lebih-lebih lah. Tapi lukisan itu datang dari akhbar, bermakna dari pihak surat khabar sendiri pun saya dah dibayar. Gaji lah.

FA : Oh.

- EA : Perpustakaan Negara Malaysia [PNM] itu, dia ada bahagian dia lah iaitu dia membeli karya-karya pengkarya Malaysia ini untuk simpanan dia.
- FA : **Koleksi.**
- ER : Ya koleksi. Jadi saya rasa termasuk dalam senarai itu lah.
- FN : **Okay sahaja.**
- ER : Pada masa saya serah itu pada tahun dua kosong enam [2006] macam itu lah. Jadi orang yang ketiga yang serah karya pada waktu itu.
- FA : **Adakah lukisan encik termasuk dalam auction atau lebih dikenali sebagai lelong seperti bida?**
- ER : Macam mana?
- FA : **Lelongan. Pernah masuk?**
- ER : Oh, tidak pernah.
- FN : **Adakah encik pernah menerima tempahan lukisan dari mana-mana pihak?**
- ER : Daripada mana-mana pihak?
- FN : **Yang terkini.**
- ER : Oh ada. Tempahan itu memanglah. Ada yang kita lukis. Ada yang kita tak lukis tapi orang tempah baru kita lukis.

- FA : **Banyak ke?**
ER : Ada potrait banyak jugak. Orang tempah itu. Ada juga yang tak tempah. Jadi ada dua jenis lah.
- FA : **Kalau harga?**
FN : **Harga untuk potrait itu.**
ER : Kalau harga yang berwarna serratus RM150 lah. Tak termasuk cermin lah. Kalau cermin RM200. Tapi kalau *sketch* biasa itu sepuluh ringgit boleh.
- FA : **Ya ke. (Ketawa)**
FN : **Berapa lama tempoh masa untuk menghasilkan sesebuah lukisan itu?**
ER : Bergantung kepada karya itu lah. Tengok kepada tema yang kita buat. Kalau susah makan masa sikit, kalau senang sekejap saja.
- FA : **Dari segi tempoh untuk menyiapkan sesebuah lukisan, lukisan yang mana mengambil masa untuk disiapkan, samaada simple atau lukisan yang sukar?**
ER : Tengok kepada tema. Kalau melibatkan ramai orang dalam satu imej banyak. Katakanlah muka orang itu banyak kan, maka lambatlah sikit nak buat. Tapi kalau setakat seorang dua orang, waktu cepat sahaja. Bergantung kepada apa yang kita lukis.
- FA : **Ambil masa seminggu ke**
ER : Eh tak.
- FA : **Hari lah? Ke sejam?**

- ER : Dua hari, satu hari macam itu saja. Kalau katalah dua orang yang letak untuk lukis itu, sepuluh minit boleh siap.
- FN : Allah. (Ketawa)
- ER : Kalau susah sikit sehari sahaja. Tak banyak pun.
- FN : **Bolehkah encik berkongsi bagaimana cara untuk kami yang tidak arif dalam bidang kesenian ini untuk membezakan lukisan yang berkualiti dan juga tidak berkualiti?**
- ER : (Ketawa). Lukisan ini bergantung kepada apa yang kita buat itu lah. Warna air ke, cap minyak ke ada pen atau pensel. Jadi kita kena nilai sesuatu lukisan itu dari segi warna, kombinasi warna, cara dia menghasilkan warna dia. Ada itu, warna yang boleh digunakan terus ke lukisan, ada yang kena campur warna untuk masukkan campurang itu. Macam mana sebuah karya itu menjadi menarik, warna yang kita tengok. Bergantung kepada kepandaian dalam mencampur warna itu menjadikan dia menarik.
- FN : **Aspek yang penting yang encik akan menitikberatkan dalam menghasilkan sesebuah lukisan? Seperti aspek dari segi tonal warna untuk menaikkan lagi lukisan itu atau bagaimana? Aspek Penting.**
- ER : Setiap pelukis itu, dia ada identiti dia. Yang pertama itu. Ada yang pelukis itu melukis, pad akita tidak menarik langsung kan?
- FN : Ya.
- FA : Ya.

ER : Tapi itu gaya dia. Walaupun kita kata tak cantik. Tapi dia teruskan juga kerana itu gaya lukisan dia. Ada banyak pelukis-pelukis terkenal di Malaysia ini yang pada muaknya orang anggap dia ini yang tidak berapa, tidak baguslah kan?

FA : Ya.

ER : Tapi dia teruskan juga, kerana lukisan dia yang kita anggap tidak bagus itu sudah naik. Ada lagi orang yang melihat lukisan dia itu sebagai lukisan yang bagus.

FA : **Kira timbul (muncul) jenis lukisan baru lah?**

ER : Ya, banyak masa itu. Jadi bergantung kepada identiti pelukis lah. Kita nak nasihat pun, kalau identiti dia macam itu, macam itulah. Berbeza lukisan. Tetapi kita boleh kenal lah lukisan yang berupa professional dengan lukisan orang yang baru nak belajar ini. Kita nampak beza cara penggunaan warna pun kita dah tahu. Tapi maksud saya tadi orang-orang yang sudah handal melukis. Macam mana dia bertahankan identiti dia.

FN : **Pak Rossem cakap pasal identiti seseorang pelukis kan. Boleh tak kami tahu karya mana yang menunjukkan identiti Pak Rossem?**

ER : Karya saya ini semua orang kenal. Orang tengok karya saya tidak perlu tulis nama pun orang kenal.

FN : **Dari sudut penjagaan sesebuah karya encik tersebut, apa yang encik lakukan untuk memastikan karya encik itu tidak rosak? Terutamanya lukisan yang sudah memakan tahun.**

ER : Penggunaan pen, kalau lukis kartun itu penggunaan pen, atau *ink (dakwat)*. Yang pertama itu, pen *waterproof* (kalis air), jadi kena air pun tidak rosak.

Kertas yang bagus, yang tidak cepat merah. Jadi boleh tahan lah. Sampai bila-bila boleh tahan selagi tidak dimakan oleh anai-anai kan. Bawa tempat mana-mana pun, kalau setakat cahaya ke tidak rosak kecuali anai-anai sahaja.

- FN : **Anai-anai.**
- ER : Kebakaran itu lain lah, banjir ke. Kemudian kalau lukisan yang kena edit apa semua itu, jangan letak di tempat yang kena cahaya matahari. Yang tu mudah pudar. Jadi lukisan-lukisan ini kena disimpan dalam bilik.
- FN : **Gelap?**
- ER : Bilik gelap. Berpuluhan-tahun boleh bertahan. Ada kalau lukisan macam (sambil tunjuk di sebelah) lukisan macam ini, ini memang tidak tahan lama. Dia tidak boleh lama, dari segi warna dia.
- FN : **Apakah lukisan terbaru yang encik hasilkan dan boleh kami tahu maksud di sebalik lukisan itu?**
- ER : Yang terbaru?
- FN : **Maksud lukisan terbaru.**
- ER : Yang saya buat itu yang terbaru (sambil tunjuk) yang saya buat itu sekarang ini banyak melibatkan isu-isu semasa kan. Ada macam pertukaran kerajaan. Jadi generasi akan datang pun akan tahu pada tarikh ini, pertukaran kerajaan Malaysia.
- FN : **Oh. Bagi pandangan encik sendiri, banyak ke perbezaan lukisan yang dihasilkan pelukis lama dan baru?**

ER : Perbezaan?

FN : Ya, banyak tak cara, perbezaan?

ER : Pelukis-pelukis baru sekarang ini, makin lama makin bagus sebenarnya. Yang pertama kerana menggunakan peralatan yang baik. Dulu lain sekarang lain. Dulu nak dapatkan satu *ink* (dakwat) itu payah. Sekarang ini tak payah pakai *ink* (dakwat) dah. Pen pun ada kan.

FA : Ya.

ER : Kalau habis buang apa semua. Jadi hasilannya baguslah. Sekarang ini, kalau seorang pelukis itu, nampak hasil karya sekarang lagi bagus. Tapi semua itu bergantung kepada kebolehan, bakat, kemahiran pentinglah.

FN : Bagi encik, untuk menceburi bidang kesenian ini, adakah ianya memerlukan kos yang tinggi?

ER : Sekarang ini kalau di kampung itu tidak perlukan kewangan yang tinggi. Pen demgan kertas saja lah. Tapi kalau *water colour* (warna air), itu perlukan harga yang tinggi sikitlah.

FN : Saya mula mengenali encik melalui lukisan di akhbar sewaktu saya sekolah rendah, pada waktu itu adakah encik sudah mula menghasilkan karya encik di komik dan lain-lain?

ER : Tahun bila itu?

FA : 2007. Dua kosong-kosong tujuh.

ER : Oh, semasa itu saya kuat menulis komik itu. Pada tahun tujuh puluh an, lapan puluh an itu saya kerja dengan utusan Malaysia lah.

FA : **Harakah pun ada kan?**

ER : Harakah pun ada. Harakah tahun dua kosong kosong lima. [2005]

FN : **Kami juga ada membuat kajian, bahawa hasil lukisan-lukisan encik juga dapat dijumpai di dalam komik. Berkaitan pembikinan komik, adakah terdapat cabarannya untuk menyiapkan sesebuah komik itu?**

ER : Komik ini, kita macam pengarah filem. Dia lebih susah lagi dari komputer itu. Pengarah filem dia menghasilkan berdasarkan kepada skrip, kemudian dia ada jurukamera, lampu apa semua itu. Jadi dia jadilah satu filem yang berjaya yang dibantu oleh yang saya sebut tadi kan.

FN : **Ya.**

ER : Kemudian komik, yang pertama kena ada skrip dia, kemudian kena ada pelukis dia, dia kena ada juga *shadow* (bayangan) yang bagus apa semua itu, *makeup* kena ada. Jadi komik itu dibuat oleh satu orang sahaja.

FA : **Oh.**

ER : Dia lah pelukis, dia lah penulis skrip, dia lah penyuluhan lampu.

FN : **Oh.**

ER : Jadi yang mana yang lebih sukar dari membuat filem.

- FA : **Atas seorang kan.**
- ER : (Mengangguk)
- FN : **Di komik serta akhbar-akhbar, dialog yang dihasilkan itu adakah ianya secara spontan atau sudah tersedia skripnya?**
- ER : Dialog ini, dia kena siap awal. Cerita kena ada dalam kepala. Cuma kalau nak tambah-tambah itu macam kita edit itu sesuai lah. Dialog apa, kemudian tambahan kat tepi-tepi itu. Tapi skrip kena ada, jalan cerita itu kena ada.
- FN : **Kira tidak boleh *spontan* lah?**
- ER : Tidak boleh.
- FN : **Dari sudut tempahan sesebuah lukisan, berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan lukisan tersebut dan ada tak yang tidak memenuhi citarasa pelanggan?**
- ER : Biasa lah kalau kita pelukis ini, kita rasa sesuatu persembahan yang baik yang kita buat itu kan. Tapi bila dah sampai kepada pelanggan, dia kata ini tidak bagus, tidak berapa menarik. Dia biasalah. Seperti cerita tadi lah. Cumanya ia biasalah.
- FN : **Selalunya tunjuk lukisan itu dekat pelanggan yang dah siap semuanya ataupun separuh? Lakaran macam itu.**
- ER : Selalunya kita kena tengok pelanggan itu siapa dia. Kalau pelanggan itu kita kenal, yang boleh ikut selera kita, boleh teruskan terus. Tapi kalau tidak kenal, kita pun tanya apa kehendak dia sebenarnya, jadi kita tunjuk dekat dia dulu supaya kita tidak mengulangi benda yang sama kan.

FN : Dari segi media sosial, selain facebook, platform mana lagi yang encik gunakan untuk pamerkan karya encik?
ER : Kalau sekarang ini, tiada yang lain lah.

FN : *Facebook sahaja lah? (ketawa)*
ER : Ya. (Ketawa) Sekarang ini tiada yang lain. Yang ada tempahan lah. Yang tiada tempahan itu lain lah kan.

FN : Ya, beli pameran tempat lain pula?
ER : Ya. Kalau kartun-kartun itu di *facebook* sahaja

FN : Okay di mana karya-karya lukisan encik ini selalu dipamerkan?
ER : Kalau lukisan kartun itu - - Ada juga pameran kartun, saya pun ada buat pameran kartun. Orang lain pun ada pameran-pamera kartun. Tema- tema tertentu. Tapi kalau pameran landskap ataupun itu pun banyak.

FN : Boleh bagitahu tiga ke.
ER : Di Kota Bharu. Sekarang pun ada dua. Satu di Balai Seni Lukis Kelantan, tema kerbau.

FA : Tema kerbau.
ER : (Mengangguk) Kemudian ada satu lagi itu di Kota Seni. Kualai Krai Kota Seni, Kota Bharu dengan tema bandar Kota Bharu.

FN : Oh, bandaraya Kota Bharu.

- ER : Dia ada menyemarak karya untuk pameran.
- FN : **Seterusnya Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?**
- ER : Ikut tema lah.
- FA : **Oh.**
- ER : Ikut temalah, bukannya bebas. Kalau tema jalan raya, kita buat jalan raya. Kalau Tema makanan buat makanan.
- FN : **Seterusnya, selain daripada menghadiri pameran-pameran, adakah encik sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni ataupun sebuah talk atau ceramah perkongsian dalam bidang seni lukis ini?**
- ER : Ada juga.
- FA : **Ada ya?**
- ER : Ada (mengangguk). Tiap-tiap minggu ada bengkel. Cuma giliran saya hari Sabtu saja.
- FA : **Dekat mana?**
- ER : Di Kota Bharu.
- FN : **Oh.**
- ER : Ada dari pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Jeli ada UMK ke?

FN : **Jeli ada UiTM.**
FA : **Belajar lukisan lah?**
ER : Ya. (mengangguk). Pensyarah dia yang nama apa.

FN : **Adakah terdapat jemputan yang terbaru yang membabitkan luar negeri atau negara?**
ER : Sebenarnya di luar negara paling banyak pameran, cuma saya tak larat sahaja.(Ketawa)

FN : **(Ketawa) Faktor usia.**
ER : Bermacam-macam tema. Dia di luar negara ini, tiap-tiap minggu ada.

FN : **Uish! Dekat mana? Negara mana? Islam?**
ER : Dia ikut lah negara mana-mana. Banyak kan negara.

FN : **Oh.**
ER : Yang terakhir sekali. Minggu lepas lah. Buat pameran di Romania.

FA : **Oh.**
ER : Ha Romania. Tema karikatur seorang penulis dulu. Lama ni, abad ke lapan belas.

FN : **Oh.**
ER : Ha lama dah. Dia ada sijil dia bagi.

- FN : **Oh, ada sijil.**
- ER : Kemudian yang baru-baru ini yang dia bagi ini. Saya pun tak pernah. Saya dah tak larat nak buat, nak baca pun payah.
- FN : **Yang luar negeri ini pula, selain daripada Kota Bharu.**
- ER : Yang Kuala Lumpur apa semua ini tahun lepas lah. Lepastu dalam Malaysia, itu sahaja.
- FN : **Dalam lukisan mural ini, adakah ianya sebuah lukisan yang dihasilkan secara berkumpulan ataupun secara individu?**
- ER : Saya tak pernah buat mural. Melainkan yang di sini (sambil tunjuk sekeliling), saya buat seorang tapi kalau di Kota Bharu ini, dia ada kumpulan dia.
- FN : **Oh.**
- ER : Ada juga yang buat secara kecil-kecilan, terhad kan dalam bilik apa semua. Bergantung kepada permintaan pelanggan yang ramai. Ada lah dalam tiga ke empat kumpulan di Kelantan ini.
- FN : **Kira dalam Balai Kartun Rossem [BKR] ini, pak Rossem sahaja lah yang banyak melukisnya.**
- ER : Ya. (Mengangguk)

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN

FA : Mengenai Balai Kartun Rossem, ia mula ditubuhkan pada tahun 2014. Dari apa yang kami baca dari buku-buku tentang BKR yang Pak Rossem bagi. BKR ni bukan hanya balai kartun yang mengumpul pelbagai karya-karya pelukis kartun dan komik, namun BKR ni juga ada menganjurkan pameran karikatur antarabangsa pada tahun 2017 dan juga pertandingan melukis dari pelbagai negara pada tahun 2019-2020. Adakah sekarang BKR masih menganjurkan program seperti ini?

ER : Ada. Setiap tahun saya anjurkan pertandingan antarabangsa ini. Yang terbaru ini bulan lima baru berakhir. Pertandingan karikatur Perdana Menteri ke sepuluh (PM10) ini, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang melibatkan empat puluh (40) lebih buah negara.

FA : Oh.

ER : Yang pertama dimenangi oleh karikatur dari Iran. Yang kedua Malaysia, yang ketiga Malaysia, yang keempat Indonesia lepas itu yang berikutnya Malaysia juga.

FA : Oh, banyak Malaysia.

ER :

FA : Kami ada membuat kajian yang mana pak Rossem juga merupakan juri bagi sesebuah lukisan di luar negara, bolehkah kami tahu sedikit sebanyak bagaimana permulaan yang boleh menjadikan pak Rossem terpilih untuk menjadi juri?

ER : Dia menilai seseorang itu dari tiga kategori lah. Yang pertama seorang pelukis-pelukis atau para kartunis, yang kedua penganjur. Dia kartunis kemudia dia

menganjur (program) dan yang ketiga juri. Jadi tiga kategori penting dalam menaikkan martabat kartun. Kalau seorang pelukis sahaja, tiada juri tidak boleh. Kalau tiada penganjur tidak boleh. Jadi kena tiga ini mesti ada. Jadi kalau sesiapa yang jadi penganjur, dia bolehlah jadi juri. Kerana dia tahu, dalam ketiga-tiga yang paling susah sekali penganjurlah sebab pelukis ini dia melukis saja, dia hantar. Juri, sampai dekat dia nilai mana yang bagus. Penganjur ini perlu cari duit lagi untuk bayar pameran lagi apa semua. Jadi penganjur yang penting, jadi orang menilai atas penganjur itu lah.

- FN : **Tapi macam mana pak Rossem boleh jadi juri?**
- FA : **Sebab penganjur lah.**
- ER : Sebab pernah jadi penganjur. Sebab penganjur ini dia faham selok belok. Ramai pengkarya datang kepada dia kan, macam mana nak itu ini. Yang ketiga itu, berapa lama faktor-faktor penglibatan kita dalam berkartun itu. Kalau yang barulah, walaupun bagus tapi baru, dia tidak layak lagi lah nak jadi juri kan. Tapi kalau yang lama, *senior* dia tahu untuk jadi juri.

- FN : **Tahun bila dan umur berapa pak Rossem jadi juri.**
- ER : Kerana penglibatan dalam kartun itu terlalu lama, yelah macam kita nak lantik orang yang jadi juri lah. Tak kan nak lantik yang baru-baru menulis dua cerpen kita nak angkat dia jadi juri terus. Mesti kita akan ambil yang menghasilkan karya yang banyak dalam bidang itu.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

- FN : Kami ada membuat sedikit kajian, yang mana encik mendapat begitu banyak penghargaan serta anugerah samada dari dalam negara ataupun luar negara. Namun kami tetap ingin tahu dari sudut encik sendiri apakah pencapaian atau anugerah yang encik rasa paling besar serta bermakna sepanjang menceburि bidang ini?
- ER : Anugerah, surat kepujian ini banyaklah dapat dalam negeri luar negeri. Terutama bila kita menjadi juri itu, yelah daripada Universiti Al- Azhar pun ada. Dapat apa ini, dari orang hebat. Dalam negeri pun ada dapat.
- FN : Melalui hasil karya yang encik hasilkan selama ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat di sebalik lukisan-lukisan yang encik hasilkan?
- ER : Jadi kita melukis pun biarlah ada makna dan tujuan. Yang mustahak (penting) sekali ada tujuan. Tujuan apa? Dia ada manfaat kepada orang ramai. Kalau nak sindir atau kritik itu, kritik yang berhemah, kritik yang orang tak marah tapi dengan kritikan kita itu, orang boleh ketawa dengan cara persembahan kita itu. Kemudian, orang akan berfikir bahawa kritikan yang kita buatkan itu ada benarnya. Jadi terpulang kepada masyarakat nak berubah ke apa. Jadi, benda-benda macam itu, ada lah dalam setiap kartunis yang melukis ikut suka hati dia. Tidak boleh lah. Biar ada matlamat.
- FN : Apakah pencapaian yang sebenar yang encik ingin kecapi dalam bidang ini?
- ER : Saya rasa saya pun sudah-- dengan usia begini. Saya sekarang pun melukis sekadar untuk mengisi masa lapang supaya tidak hilang *stress*, dia melukis ini sebenarnya satu bentuk terapi kesihatan juga.

- FN** : **Terapi kesihatan? Wow. (kagum)**
- ER** : Ya. Terapi kesihatan. Jadi, dengan melukis itu, kalau kita sakit pun boleh lupalah sakit itu. Jadi dengan lupa kesakitan kita itu, boleh kurang dan hilang *stress*. Ada beberapa orang pelukis-pelukis yang selalu melukis bersama saya itu. Yang selalu pergi mana-mana tempat yang menariklah untuk melukis. *Water colour* (warna air) dan sebagainya di kalangan orang-orang pencen. Di kalangan warga-warga emas. Jadi bila macam ini, dia bagus, terapi untuk kesihatan.
- FN** : **Terapi.**
- ER** : Ya.
- FN** : **Lepastu saya mahu tanyalah, memang setiap lukisan itu pak Rossem memang bangga lah? Ke ada sesetengah yang macam kurang sikit?**
- ER** : Okaylah. Sekarang pun rasa macam dah buat sedaya upaya kita kan. Mungkin kekurang itu maju sajalah-- Orang itu setakat itu, orang ini setakat ini. Kita tak boleh nak samakan dengan orang lain. Mungkin orang lain itu bagus-- pencapaian dia bagus apa semua. Dari nak sama dengan orang lain itu tidaklah. Jadi kita buat sekadar yang kita mampu. Ikut ilmu yang kita ada, ikut mental fizikal kita macam mana. Tahap Idea kita.
- FN** : **Idea kita.**
- ER** : Berbeza lah dengan oang lain macam lain pula.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: HARAPAN

FA : Ini bahagian akhir tapi ada empat soalan. Dari pandangan encik, apakah harapan encik akan bidang seni lukisan ini. Adakah ianya penting untuk dikekalkan?

ER : Dikembarkan?

FA : **Dikekalkan.**

FN : **Dalam bidang seni lukisan ini. Patut tak dikekalkan atau di abaikan?**

ER : Maksudnya kartun lah kan?

FN : **Ya.**

ER : Kartun ini dia kekal sampai bila-bila. Selagi ada manusia ini. Kartun ini.

FN : **Selagi ada orang minat.**

ER : Ya. Ada manusia ada lah kartun. Sebab kartun ini merakamkan gelagat manusia. Lagi satu bahasa visual. Lukisan ini sebenarnya ialah bahasa visual. Kartun apa semua ini bahasa visual. Bahasa visual ini dia bermula dulu daripada bahasa sebutan, persuratan. Tengok di gua-gua batu zaman sejarah, dia boleh melukis dah.

FA : **Itulah.**

ER : Apa-apa dia melukis di batu. Bermakna visual itu mendahului.

FN : **Sebelum adanya tulisan.**

ER : Tulisan ini baru.

FA : **Haah (ya) Betul. Apakah nasihat yang terbaik bagi encik yang boleh diberikan kepada bakal-bakal pelukis yang ingin meneruskan seni karya ini?**

ER : Jadi sekarang ini, pelukis yang meminati bidang kartun ini, khususnya bidang kartunlah.

FN : **Haah (ya)**

ER : Kemudahan untuk mempelajarinya pun berkali ganda berbanding dengan dulu. Dulu memang sukar berbanding. Hari ini dengan adanya media baru, boleh melukis kartun dengan baik, bagaimana nak menjadi karikaturis yang baik, bagaimana untuk berdepan dengan orang-orang ramai. Faktor-faktor melukis sebagai karikatur. Jadi semua itu, boleh dipelajari melalui *YouTube* dan sebagainya. Jadi anak-anak muda sekarang ini nampaknya, menuju ke arah itu. Bagus. Dan sambutan orang ramai pun sangat menggalakkan. Penerimaan orang ramai kepada karikatur. Lukisan karikatur pun agak lebih baik berbanding dulu. Jadi maknanya, karikatur walaupun buat dalam bentuk hodoh sekali pun, sekarang ini orang boleh terima. Jadi maknanya peluang untuk menjadi karikaturis ini amat besar sebenarnya. Jadi sampai *supermarket* buka ruang untuk karikatur di sini mencari makan di situ, setiap *event* (majlis) yang dianjurkan menyediakan satu ruang tapak untuk karikaturis menerima pelanggan. Maknanya ada peluang untuk karturis mencari sumber rezeki mereka kalau berbanding dengan dulu.

FA : **Ya.**

ER : Mungkin cara melukis zaman dahulu, yang lebih dekat dengan akhbar. Gaya lukisan akhbar itu sudah berkurang sebab akhbar pun sudah banyak yang tutup.

FN : **Haah. (Ya)**

- ER : Dan kalau ada pun, tidak dibeli orang macam ini. Jadi itu sahaja.
- FN : **Adakah encik setuju bahawa kunci untuk menghasilkan sesebuah karya itu ialah kesabaran yang mana ianya merupakan aspek yang terpenting bagi menghasilkan sesebuah lukisan?**
- ER : Dalam melukis itu, kesabaran ini penting kerana ada juga cemuhan-cemuhan dari pada orang ramai kan.
- FA : **Haah (ya)**
- ER : Kita buat tidak jadi, karikatur tidak jadi, banyak yang tidak diterima oleh pelanggan kita kan.
- FA : **Haah (ya)**
- ER : Jadi, ada yang menunjukkan wajah yang kurang menyenangkan dekat kita (pelukis). Jadi benda-benda macam itu, pelukis kena sabar. Mahu buat macam mana. Kita kena belajar lebih lagi lah, kena usahakan lagi supaya orang boleh terima.
- FA : **Pandangan encik sendiri terhadap seni lukis pada masa hadapan bagi generasi-generasi baru akan datang? Mereka akan memahami tak lukisan yang lama dari akhbar atau komik bagai?**
- ER : Kalau lukisan lama terutama komik ni, ada gaya unsur seperti nusantara melayu. Kemudian, pada '80-an [1980] itu sedikit-sedikit sudah masuk gaya-gaya barat. Kemudian tahu dua ribu [2000] masuk gaya Hong Kong, Jepun dan sekarang ini masuk lukisan gaya melalui komputer. Yang kartun macam Jepun juga ada, jadi *trend* semasa ke semasa itu mempengaruhi setiap kartunis itu jadi kita nak buat macam mana.

- FA : **Haah. (ya)**
- ER : Kalau kita nak paksa dia membelakangi sambil pandang ke belakang, buat bentuk Melayu. Orang tidak boleh terima kalau masyarakat sekarang ini. Kalau kita buat pertandingan suruh melukis komiklah katakan. Pertandingan melukis komik pada pelajara-pelajar, dia tidak akan pergi lukisan zaman dahulu itu. Dia akan ikut Jepun, Bangal kan.
- FN : **Haah. (ya)**
- ER : Dia akan jadi macam itu lah. Nak buat macam mana. (Ketawa) Sama macam sekarang pun macam itu juga. Kalau nak buat komik, ada buku Bangal, buku Jepun jadi itu perubahan yang kita tidak boleh nak elak dah. Cuma kita kena pesanlah, kalau boleh cari lah identiti Melayu kan. Buat komik identiti Malaysia. Setakat itu sahaja lah.
- FA : **Haah. (ya)**
- ER : Kalau nak tiru Bangal, tirulah tapi jangan ada aspek Melayu dalam itu Jangan tinggal budaya Melayu itu.
- FN : **Sebab kita kenalah sebagai orang Melayu memartabatkan melayu itu. Tak boleh lah nak ikut cara barat sangat ataupun cara Jepun ke semua kan. Sebab kita orang Melayu kita kena memartabatkan warisan orang Melayu.**
- ER : Ya. (Mengangguk)
- FN : **Jadi yang itu sahaja.**

- FA** : Ya, yang itu sahaja. Banyak dah.
FN : (Ketawa) Banyak dah.

TAMAT BAHAGIAN 8

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Rosidi Ismail sepanjang beliau berkhidmat sebagai kartunis terkenal yang memartabatkan dunia kartun tanah air. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni lukisan dalam dunia kesenian para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

BIBLIOGRAFI

Bibliografi

APAKAH MAKSUD KARTUNIS dalam MELAYU? (2023). Educalingo.

<https://educalingo.com/ms/dic-ms/kartunis>

Dasuki, S., Marziana, L., Noh, M., & Halus, J. S. (2016). KARTUN AKHBAR SEBAGAI WADAH PENYAMPAIAN SUARA MASYARAKAT: SUATU KRITIKAN TERHADAP ISU-ISU SEMASA. *ResearchGate*.

https://www.researchgate.net/publication/319351769_KARTUN_AKHBAR_SEBAGAI_WADAH_PENYAMPAIAN_SUARA_MASYARAKAT_SUATU_KRITIKAN_TERHADAP_ISU-ISU_SEMASA

Definisi lukisan. (2023). <https://facts-news.org>. <https://ms.facts-news.org/definisi-lukisan>

Definisi lukisan. (2023). PDF. <https://www.slideshare.net/SEJ0618AinaNajihahAn/definisi-lukisan>

Junus, L. (2020). Lokasi tumpuan peminat kartun, komik di ibu kota. *Utusan Malaysia*.

<https://www.utusan.com.my/gaya/2020/08/lokasi-tumpuan-peminat-kartun-komik-di-ibu-kota/>

Literature review. (2022). The University of Edinburgh. <https://www.ed.ac.uk/institute-academic-development/study-hub/learning-resources/literature-review>

Razak, M. S. (2008, September 8). SEJARAH PERKEMBANGAN KARTUN DAN BAHASA KARIKATUR. *Blogspot.com*. <https://mohamadsofee.blogspot.com/2008/02/islam-hadhari-ionjak-koridor-ekonomi.html>

Ridaudin Daud. (2020). Siri animasi era 90an imbau kenangan zaman kanak-kanak.

Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/siri-animasi-era-90an-imbau-kenangan-zaman-kanakkanak-257217>

Sokanu. (2023). What does a cartoonist do? www.careerexplorer.com.

<https://www.careerexplorer.com/careers/cartoonist/>

LAMPIRAN

LAMPIRAN

LOG TEMUBUAL

Wan Nur Fawaqih Aliyin Bt W.Ya dan Fatin Najwa Bt Mat Sofri menemubual Encik Rosidi Semail, yang dilahirkan pada 1925, di Kelantan. Temubual dijalankan di studio beliau di Balai Kartun Rossem (BKR), Peringat, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang karikatur dari akhir tahun 1960-an sehingga sekarang.

MASA	TOPIK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
10:57	Pembukaan kata untuk sesi temubual	<ul style="list-style-type: none">• Fatin Najwa• Encik Rossem
11:00	Menerangkan dengan lebih jelas mengenai latar belakang peribadi.	<ul style="list-style-type: none">• Fatin Najwa• Encik Rossem• Balai Kartun Rossem
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
11:10	Menerangkan mengenai latar belakang Pendidikan bermula di peringkat sekolah rendah, peringkat menengah dan diploma.	<ul style="list-style-type: none">• Fatin Najwa• Encik Rossem• Balai Kartun Rossem
BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA AWAL		
11:40	Menerangkan mengenai kerjaya awal beliau dari awal hingga karya beliau dicetak buat pertama kali kepada bentuk komik pada tahun 1974.	<ul style="list-style-type: none">• Fawaqih Aliyin• Encik Rossem• Balai Kartun Rossem
BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM KERJAYA SENI		
12:20	Menceritakan sedikit sebanyak mengenai selok belok perjalanan beliau dalam kerjaya seni.	<ul style="list-style-type: none">• Fawaqih Aliyin• Fatin Najwa• Encik Rossem• Balai Kartun Rossem

BAHAGIAN 5: KERJAYA SEBAGAI PELUKIS

12:40	Menceritakan mengenai perbezaan lukisan pertama beliau dengan sekarang, lukisan yang gemar dilukis oleh beliau, teknik lukisan yang digunakan, tempat yang sentiasa menjadi pilihan beliau untuk melukis	<ul style="list-style-type: none"> • Fawaqih Aliyin • Fatin Najwa • Encik Rossem • Balai Kartun Rossem
12:48	Serta menerangkan mengenai jenis lukisan yang ditempah atau yang terjual sepanjang beliau menjadi pelukis karikatur.	<ul style="list-style-type: none"> • Fawaqih Aliyin • Fatin Najwa • Encik Rossem • Balai Kartun Rossem

BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN

13:00	Menerangkan mengenai program yang dianjurkan di bawah Studio Balai Kartun Rossem (BKR) milik beliau, serta bagaimana beliau terpilih untuk dilantik menjadi juri karikatur peringkat antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> • Fawaqih Aliyin • Fatin Najwa • Encik Rossem • Balai Kartun Rossem
-------	--	--

BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

13:30	Mengenai penghargaan serta anugerah samada dari dalam negara ataupun luar negara yang diperolehi beliau serta berbincang mengenai apa yang masyarakat perlu melihat dengan teliti akan hasil karya-karya pelukis di Malaysia ini,	<ul style="list-style-type: none"> • Fawaqih Aliyin • Fatin Najwa • Encik Rossem • Balai Kartun Rossem
-------	---	--

BAHAGIAN 8: HARAPAN

13:50	Mengenai harapan serta nasihat daripada tokoh akan bidang seni lukisan ini.	<ul style="list-style-type: none"> • Fawaqih Aliyin • Encik Rossem • Balai Kartun Rossem
-------	---	---

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11:00pg-11:30pg	21 Mac 2023	Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek IMR604 memberi penerangan mengenai tugasan sejarah lisan.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
11:00pg-12:00tghri	28 Mac 2023	Menubuhkan kumpulan untuk dua orang.	Memilih ahli kumpulan
11:00pg-12:00tghri	4 April 2023	Membuat kajian berkenaan seniman veteran menggunakan maklumat yang diberi oleh pensyarah.	Mengenalpasti syarat seniman veteran melalui garis panduan yang diberi. Menyediakan satu set soalan umum mengenai latar belakang tokoh dan latar belakang pendidikan sebagai latihan penyediaan soalan.
11:00pg-12:00tghri	11 April 2023	Menyenaraikan senarai seniman veteran untuk ditemubual antaranya Ramli Sarip, Ella, Awie, dan Pak Rossem.	Membuat senarai pendek dan mencari maklumat berkenaan seniman.
11:00pg-12:00tghri	18 April	Mencari maklumat mengenai tokoh yang menepati kriteria dan memilih Pak Rossem untuk ditemubual. Mendapatkan pengesahan dari pensyarah mengenai kriteria Pak Rossem.	Menghubungi Pak Rossem melalui aplikasi <i>WhatsApp</i> dan mendapat respon positif.
11:00pg-12:00tghri	3 Mei 2023	Menyediakan soalan sebanyak yang mungkin sebelum memulakan temubual.	Menyediakan 100 soalan ke atas mengikut kesesuaian tokoh yang dipilih.
11:00pg-12:00tghri	8 Mei 2023	Mendengar penerangan mengenai soalan soal selidik oleh pensyarah sebelum temubual diadakan.	Menambahbaikan soalan yang sedia ada.

11:00pg-12:00tghri	14 Mei 2023	Mendapat surat penyelidikan dari Hal Ehwal Akademik, UiTMCK dengan bimbingan dari pensyarah	Mengisi dan mendapat surat penyelidikan melalui atas talian.
4:00ptg-4:30ptg	15 Mei 2023	Berjumpa Pak Rossem untuk mendapatkan maklumat serta menetapkan dan memastikan tarikh temujanji.	Berjumpa di studio Balai Kartun Rossem di Peringat, Kelantan.
2:00ptg-2:40ptg	23 Mei 2023	Konsultasi bersama pensyarah untuk penyediaan penambahan soalan temubual.	Konsultasi diadakan atas talian di aplikasi <i>Google Meet</i> .
9:00pg-2:50ptg	24 Mei 2023	Menembual tokoh secara bersempua di Balai Kartun Rossem di Peringat, Kelantan.	Berjaya diselesaikan selama 2 jam sesi temubual itu, namun disebabkan beberapa faktor ianya mengambil masa yang lama oleh disebabkan Pak Rossem menerima tetamu-tetamu lain juga di studio beliau.
11:00pg-12:00tghri	7 Jun 2023	Menyiapkan sedikit demi sedikit transkrip.	
11:00pg-12:00tghri	19 Jun 2023	Menyediakan tajuk untuk artikel transkrip.	Menghantar kepada pensyarah melalui atas talian.
11:00pg-12:00tghri	10 Julai 2023	Menyiapkan kertas kerja, transkrip, preliminary preparation, dan abstrak temubual pelukis.	Hendaklah dihantar pada 29 Julai 2023
3:00pg-4:00pg	5 Ogos 2023	Tugasan dihantar sedikit lewat atas masalah dari pihak penemubual menyiapkan tugasan.	Selesai.
1:00pg-10:00pg	6 Ogos 2023	Menyiapkan keseluruhan transkrip wawancara.	Hendaklah dihantar awal bulan Ogos atau pada 31 Ogos 2023.

Soalan Temubual Encik Rosidi Semail (Balai Kartun Rossem)

Bahagian 1: Latar Belakang

1. Bolehkah encik memberitahu nama penuh encik?
2. Dimanakah tempat lahir dan tarikh encik dilahirkan?
3. Berapakah umur encik pada masa kini?
4. Adakah encik mempunyai nama panggilan lain?
5. Bolehkah encik ceritakan bagaimana zaman kanak-kanak encik?
6. Apakah aktiviti ataupun hobi yang menjadi pilihan encik sewaktu mengisi masa lapang encik?
7. Mengenai keluarga encik, apakah nama ibu bapa encik?
8. Apakah pekerjaan Ibu dan Ayah encik pada waktu itu?
9. Berapakah bilangan adik beradik encik dan bolehkah encik beritahu encik merupakan anak yang keberapa dalam keluarga encik?
10. Apakah nama isteri dan berapakah umur isteri encik?
11. Adakah isteri encik merupakan seorang suri rumah atau bekerja?
12. Berapakah bilangan anak encik?
13. Adakah anak encik masih melanjutkan pelajaran atau sudah bekerja?

Bahagian 2: Sejarah Pendidikan

1. Mengenai sejarah pendidikan encik, dimanakah encik mendapatkan pendidikan awal atau pendidikan kanak-kanak encik?
2. Apakah cita-cita encik ketika zaman persekolahan encik?
3. Apakah jawatan yang disandang oleh encik ketika di peringkat sekolah?
4. Adakah encik pernah memenangi sesuatu pertandingan pada zaman sekolah encik?
5. Bolehkah kami tahu persepsi rakan-rakan dan keluarga ketika encik memilih kursus tersebut?
6. Apakah kursus-kursus professional lain yang pernah encik ikuti?
7. Apakah keunikan ataupun kelebihan yang dapat encik lalui semasa memilih kursus tersebut?
8. Adakah hubungan industri dan kursus yang encik mengambil semasa di universiti saling berkait?
9. Apakah jenis-jenis halangan yang harus encik lalui semasa di university?
10. Apakah pengalaman-pengalaman manis semasa encik menuntut di universiti?
11. Pada pendapat encik, adakah kursus yang dipilih oleh encik dapat memberi sedikit sebanyak ilmu dalam pekerjaan yang encik ceburi sekarang?
12. Pada fasa mendapatkan pendidikan, adakah encik aktif dalam mana-mana aktiviti seperti kokurikulum dan aktiviti lain?

Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya Awal

1. Apakah kerjaya pertama encik setelah tamat pengajian?

Bahagian 4: Penglibatan Dalam Kerjaya Seni

1. Apakah profesion dan bidang encik pada masa kini?
2. Encik masih ingat tak, bila waktu encik mula bergiat aktif dalam bidang seni lukisan ni?
3. Adakah di antara keluarga encik mempunyai minat yang sama dengan encik?
4. Bagaimana pembahagian masa encik antara melukis serta masa dengan keluarga?
5. Boleh tak encik berkongsi mengenai bidang seni lukisan ini dari segi pandangan encik sendiri?
6. Apa pengalaman manis bagi encik sepanjang penglibatan dalam bidang seni ini?
7. Bagaimana dengan pengalaman mencabar sepanjang penglibatan dalam bidang seni ini?
8. Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi encik dalam menghasilkan sesebuah lukisan? Atau idolanya adalah encik sendiri? Kerana encik sendiri merupakan tokoh pelukis di negara ini serta negara-negara lain.
9. Pada pendapat encik apakah persiapan penting yang perlu dilakukan sebelum menceburι bidang ini?
10. Pada pendapat encik juga, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang untuk dia menjadi pelukis?
11. Apakah bentuk latihan yang sesuai untuk diberikan kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang seni lukis ini?

Bahagian 5: Kerjaya Sebagai Pelukis

1. Apakah lukisan yang pertama yang encik hasilkan pada waktu permulaan kerjaya encik?
2. Apakah jenis lukisan yang encik gemar untuk hasilkan?
3. Teknik lukisan yang selalu digunakan dalam penghasilan sesebuah lukisan?
4. Bagaimana encik dapat inspirasi untuk menghasilkan sesebuah karya itu dalam satu masa?
5. Selalunya di manakah tempat yang menjadi pilihan untuk encik melukis?
6. Sebelum encik nak mulakan melukis, apa yang encik akan lakukan untuk mengambil *mood* bagi menghasilkan karya?
7. Siapa yang banyak mendorong encik untuk teruskan melukis?
8. Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran di antara lukisan-lukisan yang encik pernah hasilkan?
9. Dalam banyak-banyak lukisan yang encik hasilkan, bagi encik yang manakah yang paling bernilai dan istimewa?
10. Dalam banyak karya-karya encik, bagi encik apakah lukisan yang paling mencabar untuk dihasilkan?
11. Antara lukis grafik dengan lukis reka bentuk atas kertas, yang mana encik lagi rasa mencabar?
12. Apakah alatan yang digunakan semasa menghasilkan lukisan grafik?
13. Selain kepakaran dalam melukis, encik ada kepakaran dalam bidang lain ke?
14. Sekiranya saya diizinkan untuk tahu, apakah hasil karya encik yang terkini dan ianya bertujuan untuk kerja atau untuk simpanan sendiri?
15. Pada waktu encik menghasilkan sesebuah lukisan, ada tak menerima kritikan positif?
16. Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ini, boleh anggarkan berapakah hasil karya

- yang encik telah hasilkan?
17. Berapa banyakkah lukisan yang terjual pada waktunya terdekat ini?
18. Lukisan yang termahal pernah dijual? Berapa harganya?
19. Adakah lukisan encik termasuk dalam *auction* atau lebih dikenali sebagai lelong seperti *bida*?
20. Adakah encik pernah menerima tempahan lukisan dari mana-mana pihak?
21. Berapa lama tempoh masa untuk menghasilkan sesebuah lukisan itu?
22. Dari segi tempoh untuk menyiapkan sesebuah lukisan, lukisan yang mana mengambil masa untuk disiapkan, samaada *simple* atau lukisan yang sukar?
23. Bolehkah encik berkongsi bagaimana cara untuk kami yang tidak arif dalam bidang kesenian ini untuk membezakan lukisan yang berkualiti dan juga tidak berkualiti?
24. Aspek yang penting yang encik akan menitikberatkan dalam menghasilkan sesebuah lukisan? Seperti aspek dari segi tonal warna untuk menaikkan lagi lukisan itu atau bagaimana?
25. Boleh tak kami tahu karya mana yang menunjukkan identiti Pak Rossem?
26. Dari sudut penjagaan sesebuah karya encik tersebut, apa yang encik lakukan untuk memastikan karya encik itu tidak rosak? Terutamanya lukisan yang sudah memakan tahun.
27. Apakah lukisan terbaru yang encik hasilkan dan boleh kami tahu maksud di sebalik lukisan itu?
28. Bagi pandangan encik sendiri, banyak ke perbezaan lukisan yang dihasilkan pelukis lama dan baru?
29. Bagi encik, untuk menceburi bidang kesenian ini, adakah ianya memerlukan kos yang tinggi?

30. Saya mula mengenali encik melalui lukisan di akhbar sewaktu saya sekolah rendah, pada waktu itu adakah encik sudah mula menghasilkan karya encik di komik dan lain lain?
31. Kami juga ada membuat kajian, bahawa hasil lukisan-lukisan encik juga dapat dijumpai di dalam komik. Berkaitan pembikinan komik, adakah terdapat cabarannya untuk menyiapkan sesebuah komik itu?
32. Di komik serta akhbar-akhbar, dialog yang dihasilkan itu adakah ianya secara *spontan* atau sudah tersedia skripnya?
33. Dari sudut tempahan sesebuah lukisan, berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan lukisan tersebut dan ada tak yang tidak memenuhi citarasa pelanggan?
34. Dari segi media sosial, selain facebook, platform mana lagi yang encik gunakan untuk pamerkan karya encik?
35. Di mana karya-karya lukisan encik ini selalu dipamerkan?
36. Apakah lukisan yang biasa dihasilkan untuk pameran?
37. Selain daripada menghadiri pameran-pameran, adakah encik sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni ataupun sebuah *talk* atau ceramah perkongsian dalam bidang seni lukis ini?
38. Adakah terdapat jemputan yang terbaru yang membabitkan luar negeri atau negara?
39. Dalam lukisan mural ini, adakah ianya sebuah lukisan yang dihasilkan secara berkumpulan ataupun secara individu?

Bahagian 6: Pencapaian

1. Mengenai Balai Kartun Rossem, ia mula ditubuhkan pada tahun 2014. Dari apa yang kami baca dari buku-buku tentang BKR yang Pak Rossem bagi. BKR ni bukan hanya balai kartun yang mengumpul pelbagai karya-karya pelukis kartun dan komik, namun BKR ni juga ada menganjurkan pameran karikatur antarabangsa pada tahun 2017 dan juga pertandingan melukis dari pelbagai negara pada tahun 2019-2020. Adakah sekarang BKR masih menganjurkan program seperti ini?
2. Kami ada membuat kajian yang mana encik juga merupakan juri bagi sesebuah lukisan di luar negara, bolehkah kami tahu sedikit sebanyak bagaimana permulaan yang boleh menjadikan encik terpilih untuk menjadi juri?

Bahagian 7: Sumbangan

1. Kami ada membuat sedikit kajian, yang mana encik mendapat begitu banyak penghargaan serta anugerah samada dari dalam negara ataupun luar negara. Namun kami tetap ingin tahu dari sudut encik sendiri apakah pencapaian atau anugerah yang encik rasa paling besar serta bermakna sepanjang menceburि bidang ini?
2. Melalui hasil karya yang encik hasilkan selama ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat di sebalik lukisan-lukisan yang encik hasilkan?
3. Apakah pencapaian yang sebenar yang encik ingin kecapi dalam bidang ini?

Bahagian 8: Harapan

1. Dari pandangan encik, apakah harapan encik akan bidang seni lukisan ini. Adakah ianya penting untuk dikekalkan?
2. Apakah nasihat yang terbaik bagi encik yang boleh diberikan kepada bakal-bakal pelukis yang ingin meneruskan seni karya ini?
3. Adakah encik setuju bahawa kunci untuk menhasilkan sesebuah karya itu ialah kesabaran yang mana ianya merupakan aspek yang terpenting bagi menghasilkan sesebuah lukisan?

4. Pandangan encik sendiri terhadap seni lukis pada masa hadapan bagi generasi-generasi baru akan datang? Mereka akan memahami tak lukisan yang lama dari akhbar atau komik bagai?

SURAT KEBENARAN

Surat Kebenaran Nombor 100-CK(HEA 307/2)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
KelantanKampus
Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 307/2)
Tarikh : 14 Mei 2023

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	FATIN NAJWA BINTI MAT SOFRI	2021106047
2	WAN NUR FAWAQIH ALIYAH BINTI W.YA	2021731221

Adalah dimaklumkan bahawa pesama di atas merupakan pelajar dari FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT bahagian (05) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu ORAL DOCUMENTATION (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami raih siakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi FATIN NAJWA BINTI MAT SOFRI di talian 019-6775348.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
b.p Rektor

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan
KelantanBukit Imu, 18500 Machang,
Kelantan
Tel. (+09)678 2000/2162/2268 Faks. (+09)6762156
Email : rmakdun@kluaran.uitm.edu.my



SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya H. ROSIDI SEMAIL..... K/P:..... pada
28.8.2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:


1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperoleh.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh
Tarikh:

ROSIDI SEMAIL
28.8.2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)


Gambar



Gambar 1: Penemubual bersama tokoh, Pak Rossem.



Gambar 2: Sijil yang diperolehi oleh tokoh, Pak Rossem.



Gambar 3: Akhbar dan Hasil Karya Pak Rossem.



Gambar 4: Karya-karya karikatur Pak Rossem,



Gambar 5: Pejabat Pak Rossem.



Gambar 6: Karya-karya Pak Rossem.



Gambar 7: Lukisan-lukisan daripada rakan-rakan tokoh, Pak Rossem.



Gambar 8: Hasil Karya Pak Rossem.

INDEKS

INDEKS

A

Anugerah 9, 62, 74, 83

B

Bidang 5, 7, 10, 13, 20, 23, 27, 29, 30, 31, 36, 37, 46, 47, 50, 53, 57, 61, 62, 64, 65, 68, 74, 79, 80, 81, 82, 83

G

Grafik 9, 20, 21, 24, 25, 29, 44, 45, 80

J

Juri 60, 61, 62, 74, 83

K

Karikatur 8, 9, 10, 37, 38, 44, 58, 60, 65, 66, 73, 74, 83, 88

Kartunis 5, 8, 10, 25, 29

P

Pelukis 6, 7, 8, 9, 20, 27, 32, 37, 38, 39, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 60, 61, 63, 65, 66, 74, 76, 79, 81, 83

S

Seni 6, 56, 79

Seni lukis 6